

قَتِيْقِن تِيْتِه

PETIKAN TITAH

"TIDAK ada alasan untuk para belia lemah dan menyerah kalah. Ini bukan sifat belia. Belia adalah berani dan gagah. Mereka berani membuka perusahaan sendiri, walaupun mula-mulanya secara kecil-kecilan, seperti meneroka khidmat cuci kereta, menternak ikan, industri kreatif dan seumpamanya, tetapi dari kecil itu ia boleh jadi besar, jika para pengusaha belia terus gigih dan tabah." - Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-11 Tahun 2016.



Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي سِنَا

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْنِ اِيْمَان

MANISNYA IMAN

"DAN sesiapa yang mencucikan dirinya daripada kufur dan maksiat maka sesungguhnya dia mencucikan diri untuk kebaikan dirinya sendiri. Dan kepada Allah jualah tempat kembali." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Faatir, ayat 18).

Waktu Sembahyang

IMSAK 5.04 SUBUH 5.14 SYURUK 6.36 DUHA 6.59 ZUHUR 12.33 ASAR 3.55 MAGHRIB 6.29 ISYAK 7.42

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 11

24 JANUARI 2018 / 1439 جمادى الأولى 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Menerima mengadap Duta-duta, Ketua-ketua Perwakilan baharu



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, iaitu Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin; Tuan Yang Terutama Haji Harun bin Haji Junid; Tuan Yang Terutama Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Tuan Yang Terutama Mohd. Shafiee bin Haji Kassim.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, berkenan menerima mengadap Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru

dilantik dan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan yang baharu ke Negara Brunei Darussalam. Majlis berlangsung di Qashr Al-Meezaan. Duli Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei

Darussalam ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Haji Harun bin Haji Junid; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei

Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Haji Ahmad bin Haji Jumat dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, Tuan Yang Terutama Mohd. Shafiee bin Haji Kassim.

Ke muka 3

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Laksanakan dengan dedikasi, komited

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia diseru agar terus memainkan peranan penuh

dedikasi serta komitmen yang tinggi dalam sama-sama membuat persediaan awal demi memastikan kelicinan pelaksanaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 pada tahun ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyeru demikian semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-72 Tahun bagi Tahun 2018 yang berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Ke muka 4



Muka 9

PESERTA Musabaqah Menghafaz Al-Quran lalui peringkat saringan



Muka 12

MANTAPKAN asas akidah Ahli Sunnah Waljamaah

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

Kejayaan pelajar, pihak sekolah dan ibu bapa mesti bekerjasama

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

KITA rasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana atas limpah kurnia-Nya jua kita dapat berkumpul di konvensyen yang julung-julung kali kita adakan, iaitu Konvensyen Bagi Ibu Bapa yang membawa tema 'Ibu Bapa Prihatin Pendidikan / Penyuluh Masa Depan Generasi Cemerlang'.

Konvensyen ini adalah sebagai usaha Kementerian Pendidikan untuk menghargai dan menekankan betapa pentingnya peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak. Memang perkara ini bukan baharu dan kita banyak menyaksikan contoh dan situasi anak-anak yang berjaya dalam pembelajaran mereka, memperoleh keputusan yang cemerlang disebabkan oleh bimbingan, sokongan dan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak mereka. Kita turut kagum melihat kejayaan keluarga sedemikian melahirkan pelajar demi pelajar yang lulus dalam pelajaran mereka.

Tetapi di sebalik cerita-cerita sedemikian, kita juga mendengar cerita kegagalan anak-anak dalam pembelajaran, anak-anak yang melalui hari-hari persekolahan tanpa bantuan, bimbingan, penglibatan ibu bapa dan tanpa pemeduliaan ibu bapa. Perkara ini dilihat sebagai punca kegagalan kanak-kanak (pelajar) berkenaan, kurangnya motivasi untuk belajar, kurang bersemangat dan banyak datang ke sekolah sebagai satu rutin aktiviti seharian dan selalu tidak hadir. Dalam keadaan sedemikian, apabila menduduki peperiksaan, mereka-mereka ini sukar mendapat keputusan yang cemerlang, malah ada yang gagal.

Perkara ini tentunya mendukungkan semua pihak, kerana setiap kanak-kanak yang bersekolah mahu pandai, cuma mereka tidak dapat memahami apa dia makna 'pandai'. Bagi kanak-kanak sedemikian asal duduk di bilik darjah, buat kerja seperti arahan cikgu walau tidak dibuat dengan betul atau tidak siap, sudah boleh dikira pandai. Jika guru kurang prihatin, anak-anak tersebut akan menghabiskan masa (satu period misalnya) membuat kerja dalam kelas tanpa pandai membuat kerja itu sendiri, mungkin sebab kurang faham maknanya tidak pandai. Begitu juga ibu bapa, setiap ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah sebab mereka mahu anak mereka jadi pandai. Dan ada di kalangan ibu bapa juga tidak memahami apa dia maksud pandai itu. Maka adalah tujuan utama konvensyen ini diadakan bagi kita memahami apa peranan pihak sekolah, ibu



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Mailis Konvensyen : Ibu Bapa Prihatin Pendidikan, pada Sabtu, 20 Januari 2018 Masahi bersamaan 3 Jamadilawal 1439 Hijrah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

bapa dan pelajar itu sendiri agar pelajar menjadi orang yang pandai di sini kita ringkaskan definasi 'pandai' itu sebagai kebolehan untuk belajar sesuatu dengan cepat dan mudah.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang sejak dahulu lagi memberikan keutamaan yang tinggi kepada urusan pendidikan bagi rakyat di semua lapisan, serta mengimbau keterlibatan para ibu bapa dalam proses ini. Ini adalah sesuai dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang mana pelaksanaannya sangat bergantung kepada semangat kebersamaan dan kesetiaan, keteguhan iman serta kedalaman ilmu di kalangan pemimpin dan rakyat. Tanpa ilmu (termasuk ilmu dunia dan akhirat) negara tidak akan dapat ditadbir dan dibangunkan dengan baik dan seimbang, manakala Wawasan Brunei 2035 yang kita garap selama ini tidak mungkin dapat direalisasikan dengan jayanya. Sehubungan ini, peranan ibu bapa dalam pendidikan dan pembangunan sahsiah anak-anak, telah ditegaskan dengan jelas oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Majlis Konvokesyen KoJei Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Kali Ke-5 pada

10 Oktober 2015, seperti berikut :-

"Menyebut peranan KUPU SB dan guru agama dalam pendidikan, belumlah lengkap rasanya kalau tidak disebut juga peranan ibu bapa, kerana ibu bapa adalah wadiah semula jadi untuk mendidik. Ini dapat dikesan dari hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "Tiada seorang pun dari anak yang dilahirkan, melainkan keadaannya adalah putih dan bersih. Lalu kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi. Lihatlah betapa kuat dan besarnya pengaruh serta budi bicara ibu bapa itu. Jika mereka menginginkan putih untuk anak-anak, maka putihlah anak-anak itu, demikian juga sebaliknya. Manakala pengaruh dan budi bicara para guru pula tidaklah sampai begitu keadaannya. Namun kedua-dua institusi, ibu bapa dan guru ini, sangat mustahak untuk berganding bahu melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang besar ini."

Berdasarkan di atas, maka adalah menjadi tugas kita sebagai rakyat yang peka dan bertanggungjawab supaya menyahut titah seruan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu pada bersungguh-sungguh dan konsisten menunjukkan komitmen yang baik ke arah pendidikan anak-anak serta membina modal insan untuk negara. Sebelum itu, Khutbah Jumaat pada 14 Januari 2011, juga ada menekankan peri pentingnya peranan ibu bapa dalam mendukung pendidikan anak-anak, seperti :-

"Dalam usaha membina insan yang cemerlang, maka hendaklah dihubung kait dengan ilmu pengetahuan dan pendidikan. Dalam proses ini kesepaduan peranan (di kalangan) pihak berwajib, iaitu sekolah dan ibu bapa mestilah saling bekerjasama dan mengambil tanggungjawab dengan sebaik mungkin. Berdasarkan pemerhatian mimbar terdapat perkataan yang sangat kuat (di antara) penglibatan ibu bapa (dengan) kemajuan pendidikan anak-anak. Dengan demikian, ibu bapa tidak boleh menyerah secara bulat-bulat kepada pihak sekolah dan guru-guru sahaja dalam menentukan kejayaan dan kecemerlangan anak-anak. Ibu bapa hendaklah memainkan peranan dan kerjasama rapat dengan pihak sekolah."

Tetapi dari data yang dikumpulkan, penglibatan ibu bapa dan penjaga dalam aktiviti PIBG sekolah adalah hanya di sekitar 35% - 38% sepanjang tahun 2016 - 2017, manakala kehadiran ibu bapa dan penjaga dalam perjumpaan akademik (Parents-Teachers Meeting), iaitu sekitar 62% - 68% secara purata setiap tahun.

Ke muka 13

Dari Sidang Pengarang.

24 JANUARI 2018 BERSAMAAN 1439 7 جمادي الأول

PATUHI PERINSIP ELAK DOSA BERTERUSAN

DALAM mengharungi kehidupan harian kita selaku manusia yang serba kekurangan ini pastinya tidak terlepas dari melakukan kesalahan. Namun dalam hal demikian, terdapat beberapa prinsip yang perlu ada pada diri kita.

Kita patut mematuhi prinsip tersebut dan sekiranya kita gagal mematuhi, maka dikhuatiri akan mendedahkan diri kita pada dosa di antara sesama manusia yang berterusan.

Segala tutur bicara kita di dunia adalah di bawah perhitungan Allah Subhanahu Wata'ala dan akan dibentangkan di akhirat kelak. Kadang kala kita lupa akan batas-batas agama serta dosa dan pahala sehingga kita sanggup melanggar prinsip-prinsip Islam dengan menjatuhkan, mendedahkan keaiban seseorang termasuklah melakukan fitnah.

Antara prinsip yang dimaksudkan adalah jangan merendahkan dan mencaci maki orang lain. Ini kerana Allah Subhanahu Wata'ala lebih mengetahui siapa yang lebih baik di antara kita. Terkadang kita terlupa dan alpa dengan bertanggapan bahawa kitalah yang paling sempurna di antara yang lain sehingga melihat serta menilai orang lain hanya sebelah mata.

Selain itu, jangan mendedahkan keaiban seseorang atau menyebarkan keburukan. Ini kerana perkara itu dilarang oleh agama, malah Allah Subhanahu Wata'ala mencela golongan yang suka mendedahkan aib orang lain. Semua tertakluk pada niat, apabila kita berniat pada kebaikan, maka ia akan terarah pada kebaikan. Apabila sebaliknya, maka ia akan terarah pada niat berkenaan.

Di samping itu, jangan menggelar seseorang dengan gelaran yang buruk kerana ia boleh mendatangkan dosa dan membawa pada kefasikan. Ingatlah setiap pergerakan dan ucapan kita sentiasa diawasi oleh dua malaikat, iaitu Raqib dan Atid. Cuba beri gelaran yang baik pada seseorang dan elakkan hingga memberikan gelaran yang tidak elok dan sebagainya. Ia bukan sahaja tidak baik bahkan kurang elok jika terdengar oleh orang sekeliling.

Jangan menjadi agen penyebar fitnah dan berita palsu serta jauhilah dari berprasangka buruk kerana ia mendatangkan dosa. Seandainya disampaikan sesuatu berita itu, hendaklah disemak dulu kesahihannya. Setiap apa yang disebar dan diberitakan pasti akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Jangan mencari kesalahan orang lain. Ingatlah bahawa Islam menyuruh mencegah kemungkaran seiring dengan suruhan melakukan kebaikan dan menjaga tutur bicara agar tidak mendatangkan kemarahan orang lain. Apabila mencari kesalahan orang sekadar untuk mempamerkan kekurangan dan keaiban seseorang kepada khalayak ramai, maka sebaiknya elaklah. Ingat langit tak sentiasa cerah, adakalanya ribut akan melanda jua.

Hanya perkataan-perkataan yang diredai Allah akan dicatat, manakala perkataan-perkataan yang mendatangkan kebencian Allah akan dicatat atas kemurkaan-Nya. Bercakap perkara benar atau lebih baik berdiam sahaja kerana itu lebih memberi manfaat. Sesungguhnya orang beriman tidak bercakap perkara yang sia-sia dan tiada berfaedah. Berikut antara inti sari yang dapat diambil dari Menuju Keredaan Allah keluaran Rabu, 23 Januari 2018.

Jangan merendahkan dan mencaci maki orang lain, umpama diri penuh dengan kesempurnaan, jauh daripada kekurangan, ingat hanya Allah yang Maha Sempurna dalam segala keadaan. Jangan mendedahkan keaiban seseorang atau menyebarkan keburukan, bak merekalah yang paling teruk dan buruk daripada yang lain, mereka juga manusia serba kekurangan dan tidak terlepas dari kesalahan. Jangan menggelar seseorang dengan gelaran yang buruk, mahupun menjadi agen penyebar fitnah, jauhilah dari berprasangka buruk, kerana belum tentu semua yang putih akan kekal bersih.

Jangan mencari kesalahan orang lain, menghebahkan keaiban, membuatkan kekurangan, menyebarkan kesalahan, berpanjangan semalaman, ingat diri kita juga belum tentu sempurna bak cahaya bulan, bersih bak kain putih sepanan, kaya dengan kewangan, pandai dengan pengetahuan, sesungguhnya hanya Allah yang serba sempurna dan berkuasa dalam segala keadaan, pemerintah juga penentu bagi segala kejadian. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
PEKAN BANGAR 32 25 °C	32 25 °C	32 24 °C
PEKAN TUTONG 32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT 32 25 °C	31 24 °C	32 24 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

Talian Cuaca **114** Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	RABU	7	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	KHAMIS	8	5.04	5.14	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
26	JUMAAT	9	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
27	SABTU	10	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	AHAD	11	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.56	6.30	7.43
29	ISNIN	12	5.05	5.15	6.36	7.00	12.34	3.56	6.30	7.43
30	SELASA	13	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) **JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK** | **JABATAN PENGANGKUTAN DARAT** | **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam** | **NDMC** 123 | **2380214**

Menerima mengadap Duta-duta, Ketua-ketua Perwakilan baharu



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap dan bergambar kenangan bersama Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik, iaitu TYT Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin; TYT Haji Harun bin Haji Junid; TYT Haji Ahmad bin Haji Jumat dan TYT Mohd. Shafiee bin Haji Kassim.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

Dari muka 1

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, TYT Pengiran Haji Mustapa bin Pengiran Haji Aliuddin, sebelum ini telah berkhidmat sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Emiriah Arab

Bersatu, TYT Haji Harun bin Haji Junid, sebelum ini menjawat jawatan sebagai Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, TYT Haji Ahmad bin Haji Jumat, sebelum ini bertugas sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Protokol dan Hal Ehwal Konsular di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan

Perdagangan (KHELNP).

Manakala, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Turki, TYT Mohd. Shafiee bin Haji Kassim, sebelum ini berkhidmat sebagai Pemangku Pengarah Jabatan Pertubuhan - Pertubuhan Antarabangsa di KHELNP.

Duta-duta Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik itu telah menerima Surat-surat Watakah Pelantikan daripada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Januari 2018.

DYTM seterusnya berkenan menerima mengadap secara berasingan Ketua-ketua Perwakilan yang baharu ke Negara Brunei Darussalam.

DYTM mula-mula berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura. PYT sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Penasihat Kanan kepada 'Partnerships for Development Innovation Branch Global

Affairs Canada'.

Seterusnya DYTM berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, TYT Christian Ramage yang sebelum ini menjawat jawatan sebagai Ketua Keselamatan Diplomatik di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Perancis.

Ketua-ketua Perwakilan yang baharu ke Negara Brunei Darussalam telah menyebarkan Surat-surat Tauliah Pelantikan ke hadapan Majlis Kebawah DYMM juga pada 18 Januari 2018.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura (kiri), sementara gambar kanan, Duli Yang teramat Mulia berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Ramage.

Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Laksanakan dengan dedikasi, komited



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun.

Dari muka 1

Yang Berhormat seterusnya menyebarkan dan memaklumkan bahawa Kebawah DYMM telah mengurniakan perkenan atas lantikan Penaung-

Penaung, Penasihat serta Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM pada tahun ini terdiri dari Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir

Oleh : Noorati Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien manakala Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar selaku Penasihat Jawatankuasa.

Menurutnya lagi, seramai 35 orang yang hadir dalam mesyuarat tersebut dilantik selaku Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan.

"Saya juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan dan bagi mewakili semua ahli-ahli jawatankuasa menyebarkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia pelantikan ini," jelasnya.

Dalam hal ini, Yang Berhormat yakin semua ahli jawatankuasa yang berkenaan di peringkat

kebangsaan, daerah juga jawatankuasa - jawatankuasa kerja akan terus berusaha membina dan memastikan kemeriahan serta kesempurnaan majlis sambutan nanti berjalan dengan baik, sempurna dengan tahap dan kualiti yang lebih baik lagi.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat berharap hasil mesyuarat itu, pegawai-pegawai daerah selaku Pengerusi kepada Jawatankuasa Tadbir Tinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM di peringkat daerah akan dapat mengadakan mesyuarat awal bagi sama-sama memikirkan dan mengenal pasti acara-acara perayaan yang bersesuaian dan sama-sama membuat penelitian bagi memayukan lagi cadangan konsep dan format serta atur cara keberangkatan baginda bagi Majlis Junjung Ziarah dan Ramah Mesra bersama Rakyat dan Penduduk di daerah-daerah yang berkenaan.

Bincang ketetapan tarikh acara utama



MESYUARAT Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun diadakan di Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-72 Tahun adalah bagi membincangkan ketetapan tarikh acara-acara utama dan pengendalian acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun ini.

Mesyuarat yang berlangsung di Bangunan Jabatan Perdana Menteri hari ini dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri

Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Antara agenda yang dibincangkan ialah Laporan Post Mortem Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan tahun lepas; Majlis Kesyukuran; Istiadat Perbarisan Kehormatan; Keberangkatan Kebawah DYMM bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Ke Daerah-Daerah; Majlis Ilmu dan Pameran; Pembinaan dan pemasangan alat-alat perhiasan dan kelengkapan seperti pintu-pintu gerbang, lampu-lampu cucul dan perhiasan dan kain rentang dan vertical banner.

Selain itu, mesyuarat juga adalah bagi mendengarkan laporan-laporan dan cadangan-

cadangan bagi acara-acara yang akan diadakan sepanjang tempoh perayaan itu nanti.

Hadir pada mesyuarat tersebut ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar serta Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah DYMM Ke-72 Tahun bagi Tahun 2018.

Pelantikan Timbalan Pesuruhjaya Polis baharu

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis.

Penetapan jawatan pegawai berkenaan berkuat kuasa pada Jumaat, 12 Rabiulawal 1439 bersamaan dengan 1 haribulan Disember 2017.

Kementerian Kesihatan terima sumbangan kerusi roda



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Manap bin Othman ketika menyerahkan kerusi-kerusi roda kepada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Hosiptal dan Pusat-pusat Kesihatan, di mana kerusi-kerusi roda berkenaan disumbangkan dan diserahkan oleh wakil Gedung Perniagaan Hua Ho, Mr. Lau Soon Hau dan Mr. Lau Soon Tiong, cucu kepada mediang, Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja Dato Paduka Lau Ah Kok, Pengasas Gedung Perniagaan Hua Ho (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - Gedung Perniagaan Hua Ho telah menyerahkan sumbangan 80 kerusi roda kepada Kementerian Kesihatan.

Kerusi roda tersebut akan diedarkan kepada hospital dan klinik di seluruh negara bagi mengurangkan beban kepada mereka yang memerlukan.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Sumbangan tersebut

berlangsung di Lobi, Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir menyerahkan sumbangan tersebut selaku wakil Gedung Perniagaan Hua Ho, Mr. Lau Soon Hau dan Mr. Lau Soon Tiong, cucu kepada mediang, Yang Dimuliakan Pehin Kapitan China Kornia Diraja Dato Paduka Lau Ah Kok, Pengasas Gedung Perniagaan Hua Ho yang seterusnya menyerahkan

kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Manap bin Othman.

Awang Haji Manap kemudiannya menyerahkan kerusi-kerusi roda berkenaan kepada Ketua-ketua Pegawai Eksekutif Hosiptal dan Pusat-pusat Kesihatan.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Awang Maswadi bin Haji Mohsin;

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Awang Haji Zulaidi bin Haji Abd. Latif, Ketua Pengarah Perubatan dan Perkhidmatan Kesihatan, wakil-wakil Kementerian Kesihatan dan Gedung Perniagaan Hua Ho.

Menurut Mr. Lau Soon Hau dan Mr. Lau Soon Tiong, semangat dan kemurahan hati mendiang nenek mereka untuk membantu golongan yang memerlukan di Negara Brunei Darussalam akan diteruskan oleh ahli keluarganya dan Kumpulan Syarikat Hua Ho.

PKWE Bertahlil di Kubah Makam Diraja



ROMBONGAN Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin bagi Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong diketuai oleh Ketua Pengurus PKWE, daerah tersebut Awang Haji Metamit bin Mat Zin.

Berita dan Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - Rombongan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong

mengadakan Majlis Bertahlil dan Membaca Surah Yaa Siin bertempat di Kubah Makam Diraja, di sini.

Rombongan tersebut diketuai oleh Ketua Pengurus PKWE, Daerah Tutong, Awang Haji Metamit bin Mat Zin.

Di majlis tersebut, bacaan Tahlil dan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Ahli PKWE, Awang Haji Hamaffi bin Md. Yassin.

Majlis Bertahlil tersebut adalah

bagi paduka ayahanda dan paduka bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Majlis tersebut merupakan salah satu kegiatan warga emas Daerah Tutong bagi tahun ini.

PESEBAR akan lancarkan buku 'Kegemilangan Pemerintahan'



SIDANG media yang disampaikan oleh Ahli Jawatankuasa PESEBAR yang berlangsung di Akademi Pengajian Brunei, UBD.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Selasa, 23 Januari. - Majlis Pelancaran Buku 'Kegemilangan Pemerintahan : Kumpulan Artikel sempena Jubli Emas Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan

"PESEBAR sentiasa bekerjasama dengan PSB, Jabatan Muzium-Muzium dan Jabatan Adat Istiadat Negara bagi beganding bahu dalam mengungkayahkan kajian-kajian tentang sejarah negara kitani," ujar beliau.

Beliau berkata, sejarah adalah salah satu aspek penting kepada kita terutama generasi muda bagi menyuburkan rasa cinta pada negara, raja dan agama.

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (1967 - 2017) yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) akan diadakan pada Ahad, 28 Januari di Bangunan Pusat Sejarah Brunei (PSB), di ibu negara.

Pelancaran akan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pensyarah Program Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam (UBD) juga Setiausaha Kehormat

PESEBAR, Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail pada sidang media yang berlangsung di Akademi Pengajian Brunei, UBD.

Menurut beliau, tetamu kehormat juga akan merasmikan Mesyuarat Agung PESEBAR Kali Ketujuh dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang Peraduan Menulis Esei Sejarah.

Oleh itu, beliau menyeru Ahli-ahli PESEBAR dan peminat-peminat sejarah untuk menghadiri majlis itu dan sebolehnya menyertai persatuan berkenaan agar dapat sama-sama mengangkat martabat sejarah negara kita.

"PESEBAR sentiasa bekerjasama dengan PSB, Jabatan Muzium-Muzium dan Jabatan Adat Istiadat Negara bagi beganding bahu dalam mengungkayahkan kajian-kajian tentang sejarah negara kitani," ujar beliau.

Beliau berkata, sejarah adalah salah satu aspek penting kepada kita terutama generasi muda bagi menyuburkan rasa cinta pada negara, raja dan agama.

Turut hadir pada sidang media tersebut, Penolong Setiausaha Kehormat PESEBAR, Dr. Muhammad Hadi bin Md. Melayong dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PESEBAR.

PESEBAR ditubuhkan pada tahun 1983 dan pada masa ini mempunyai seramai lebih kurang 270 ahli.

Antara matlamat utama pertubuhan bukan kerajaan ini adalah untuk menimbulkan minat lebih luas terhadap sejarah, budaya

dan adat resam rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam juga negara-negara jiran.

Selain itu, ia juga ditubuhkan untuk menggalakkan pemeliharaan bahan-bahan atau artifak-artifak berkaitan dengan sejarah negara ini.

Menjangkau 35 tahun penubuhannya, PESEBAR membuat beberapa pencapaian termasuk penerbitan jurnal persatuan, penerbitan enam buah buku sejarah hasil kerjasama YSHHB; menganjurkan seminar serantau dan buat julung kalinya menganjurkan peraduan menulis esei sejarah, di mana pemenang utama akan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak BND2,500.



PENSYARAH Program Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD juga Setiausaha Kehormat PESEBAR, Profesor Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail semasa sidang media.

205 pelajar terima sumbangan YSHHB



LEMBAGA Pengarah YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, tetamu kehormat menyampaikan sumbangan peralatan dan keperluan sekolah bagi sesi persekolahan tahun 2018 kepada salah seorang ketua keluarga penerima.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - Selaras dengan tujuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi memeduli kebajikan dan kesejahteraan rakyat negara ini, YSHHB menghulurkan sumbangan peralatan dan

keperluan sekolah bagi Sesi Persekolahan Tahun 2018 kepada 205 pelajar dari 66 buah keluarga yang memerlukan bantuan.

Sumbangan disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas, yang berbentuk

kupon bagi pembelian peralatan dan keperluan sekolah dan buku latihan.

Sumbangan itu dihasratkan bagi memeduli hal ehwal pendidikan pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan, di samping meringankan beban perbelanjaan keluarga dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka khususnya bagi persediaan penggal awal persekolahan

tahun 2018.

Pelajar-pelajar hari ini merupakan kumpulan yang ke-9 yang menerima bantuan bagi tahun persekolahan 2018 ini.

Salah seorang ibu bapa penerima sumbangan tersebut, Pengiran Nurhanani binti Pengiran Haji Sabli semasa ditemu bual menjelaskan, sumbangan tersebut amat bermakna bagi keluarga yang kurang berkemampuan

seperti mereka.

Sumbangan itu menurutnya, dapat membantu keperluan anak-anak yang masih bersekolah serta meringankan beban yang ditanggung.

"Saya merasa bersyukur dengan adanya pihak yayasan memberikan bantuan untuk anak-anak saya bagi keperluan sekolah dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas bantuan ini," ujarnya.

Keputusan Peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'AS' dan 'A' Level meningkat

Siaran Akhbar :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan hari ini telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei - Cambridge GCE 'AS' dan 'A' Level Oktober / November 2017.

Daripada 1,903 calon yang menduduki Peperiksaan 'A' Level, seramai 1,774 atau 93.22 peratus mendapat sekurang-kurangnya 1 'A' level, yang mana pencapaian ini meningkat 2.01 peratus daripada keputusan peperiksaan tahun 2016.

Pada keseluruhannya peratus calon yang memperoleh sekurang-kurangnya 2 'A' Level adalah 82.13 peratus dengan peningkatan sebanyak 2.37 peratus yang mana pencapaian calon sekolah adalah 87.31 peratus.

Seramai 1,235 calon atau 64.90% mendapat sekurang-kurangnya 3 'A' Level. Pencapaian ini meningkat 1.15 peratus daripada tahun 2016. Pencapaian calon sekolah adalah 70.06 peratus.

Pada keseluruhannya, 179 calon atau 9.41 peratus berjaya mencapai Gred 'A' dalam dua hingga empat mata pelajaran. Pencapaian ini meningkat sebanyak 2.04 peratus berbanding tahun 2016.

Pada keseluruhannya, 12 mata pelajaran menunjukkan peningkatan di antara 0.38 peratus dan 29.07 peratus daripada pencapaian calon pada tahun 2016. Mata-mata pelajaran tersebut ialah Syariah, Usuluddin, English Language, Bahasa Melayu, Food Studies, History, Computer Science, Thinking Skills, Psychology, Sociology, Biology dan Applied ICT. Manakala tiga mata pelajaran

menunjukkan pencapaian yang sama seperti pencapaian tahun 2016, 100 peratus bagi mata pelajaran Further Mathematics, Physical Education dan Design and Technology.

Manakala bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'AS' Level, daripada 1,272 calon yang menduduki Peperiksaan 'AS' Level, 1,204 calon atau 94.65 peratus telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dengan peningkatan sebanyak 1.20 peratus. Seramai 878 calon atau 69.03 peratus telah memperoleh sekurang-kurangnya dua mata pelajaran berstandard 'AS' Level dengan peningkatan sebanyak 1.29 peratus.

Pada keseluruhannya, 105 calon atau 8.25% berjaya mencapai Gred 'A' dalam sekurang-kurangnya dua mata pelajaran. Pencapaian ini meningkat sebanyak 2.05 peratus berbanding tahun 2016.

Penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing. Manakala calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

Dalam perkara ini juga, mana-mana calon yang berhasrat untuk memperbaiki pencapaian keputusan Peperiksaan Brunei - Cambridge GCE 'AS' dan 'A' Level, pendaftaran bagi bulan Mei / Jun Tahun 2018 masih dibukakan dan tarikh tutup pendaftaran ialah pada Khamis, 15 Februari 2018.

Calon-calon juga perlu

Kukuhkan keberkesanan Pengawasan Kejiranan



DAERAH Polis Tutong mengaktifkan kembali Pengawasan Kejiranan (PK) dengan membuat perjumpaan bersama Penghulu dan Ketua Kampung Mukim Ukong.

TUTONG, Isnin, 22 Januari. - Daerah Polis Tutong mengaktifkan kembali Pengawasan Kejiranan (PK) dengan membuat perjumpaan bersama penghulu dan ketua kampung Mukim Ukong.

Hadir mengetuai rombongan dari Pasukan Polis Diraja Brunei, iaitu Pegawai Pemerintah Daerah Polis Tutong, Supt. Suhairi bin Haji Sukri dan Pegawai Menguasa Balai Polis Lamunin, Inspektor Awang Muhd. Zulfadli bin Awang Haji Yusof beserta lima orang anggota Balai Polis Lamunin membuat perjumpaan dengan Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abd Aziz; Ketua Kampung Bukit, Awang Haji Mohd. Shadiqin bin

mengambil perhatian tarikh tutup pendaftaran bagi penuntut yang mendaftar di sekolah dan hendaklah merujuk kepada guru sekolah masing-masing.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Abdullah Janjam dan Ketua Kampung Long Mayan, Awang Mohd. Addy Sufian bin Abdullah.

Pendekatan ini bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat akan perkembangan semasa keadaan kampung serta bertukar-tukar maklumat mengenai jenayah-jenayah yang sudah berlaku di kawasan berkenaan.

Laporan statistik jenayah yang terkini di bawah tadahan penghulu dan ketua-ketua kampung juga disampaikan. Di samping itu, perbincangan mengenai cadangan aktiviti PK

bagi tahun 2018 juga dibuat agar ia lebih terarah dan teratur.

Jalinan muhibah antara kedua-dua belah pihak akan lebih konstruktif dan positif sebagai usaha berterusan dalam mengukuhkan lagi keberkesanan PK supaya bergerak aktif dalam memantapkan lagi keharmonian dan kesejahteraan masyarakat setempat. Perjumpaan kedua-dua belah pihak dapat mengeratkan serta mengukuhkan lagi silaturahim, ikatan kerjasama dan jalinan persefahaman di antara pihak polis dengan orang-orang kampung.

Maklumat lanjut bagi pendaftaran peperiksaan bagi bulan Mei / Jun Tahun 2018 bolehlah melayari laman sesawang Kementerian

Pendidikan di www.moe.gov.bn atau datang terus ke Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

UNISSA pilihan mobiliti pelajar luar negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Hubungan kerjasama antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan institusi-institusi luar negara, selain program bermutu merupakan faktor utama universiti ini menjadi pilihan pelajar luar negara memilih UNISSA sebagai tempat melanjutkan pengajian.

Selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Haflut Takharruj Ke-5 UNISSA 2015, telah bertitah bahawa UNISSA telah mula menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar antarabangsa, khususnya dari rantau Asia Tenggara.

"UNISSA dipilih sebagai destinasi untuk mengikuti pengajian Islam dan bahasa Arab, sama ada program jangka pendek mahupun jangka panjang," demikian titah Kebawah DYMM.

Sejak ditubuhkan pada tahun 2007, UNISSA tidak kendur-kendur berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran dan mendapat pengiktirafan peringkat nasional dan antarabangsa. Dengan adanya jalinan memorandum



ANTARA pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengikuti program mobiliti pelajar dan program *internship* sesi pengajian 2017 / 2018 di UNISSA.

persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) dengan institusi pengajian tinggi dan agensi yang berprestij telah menghasilkan pelbagai program dan aktiviti yang telah dilaksanakan antara kedua belah pihak, antaranya program mobiliti pelajar dan program *internship* bagi pelajar luar

negara ke UNISSA.

Antara pelajar-pelajar luar negara yang mengikuti program mobiliti pelajar dan program *internship* sesi pengajian 2017 / 2018 ialah enam pelajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), enam pelajar dari Kolej Pengajian Islam, Prince Songkla Universiti (PSU), Thailand, tiga

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

pelajar dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia dan empat pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Penglibatan pelajar-pelajar

luar negara ini merupakan satu pengiktirafan terhadap UNISSA sebagai salah sebuah peneraju pusat pengajian Islam di rantau ini.

Aplikasikan ilmu yang diperoleh



CERAMAH 'Bicara Pakar' bertajuk *Knowledge-Dichotomy Practice* disampaikan oleh Profesor Adjung Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA, Profesor Muhammad Syukri Salleh (kanan). Sementara gambar kiri, antara pelajar UNISSA yang hadir pada Program Kurapak Kitani Siri Ke-8 bertempat di Dewan Auditorium UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengadakan Program Kurapak Kitani Siri Ke-8 bertempat di Dewan Auditorium UNISSA. Program bertujuan untuk

memberikan kesedaran dan membuka minda pelajar melalui sesi ceramah atau perkongsian daripada penceramah jemputan sama ada dari dalam atau luar negara.

Pengisian ceramah atau perkongsian itu diharap menjadi motivasi serta mengaplikasikannya dalam diri

pelajar itu sendiri.

Di samping untuk meningkatkan pengetahuan dan memberikan kefahaman yang mendalam kepada pelajar UNISSA tentang sesuatu bidang ilmu dan isu semasa.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Naib Yang Di-Pertua 1, Majlis Perwakilan Pelajar UNISSA, Muhammad Rif'at 'Atiyah bin Haji Anwari.

Majlis yang dihadiri oleh

mahasiswa mahasiwi Tahun 1 dan 2, UNISSA itu diisi dengan sesi ceramah 'Bicara Pakar' dengan tajuk perkongsiannya ialah *Knowledge-Dichotomy Practice*.

Sesi ceramah disampaikan oleh Profesor Adjung Fakulti Pengurusan Dan Pembangunan Islam (FPPI), UNISSA, Profesor Muhammad Syukri Salleh.

Antara inti pati ceramah menyentuh mengenai kesusahan mencari ilmu di kalangan para ilmuan pada zaman

dahulu tetapi mereka mudah mengamalkannya.

Namun, pada zaman sekarang adalah sebaliknya, kebanyakan orang mudah mencari ilmu tapi susah mengamalkannya.

Oleh yang demikian, mahasiswa dan mahasiswi diseru untuk mengambil pengajaran dan jangan mengambil mudah terhadap ilmu yang diberi.

Majlis diakhiri dengan sesi soal jawab bersama para mahasiswa-mahasiswi.



NASIHAT KESIHATAN SEMASA MENGHADAPI BANJIR



Minum air botol / pastikan air selamat untuk diminum dan telah dimasak .



Utamakan kebersihan diri : Basuh tangan Menggunakan sabun dan air bersih.



Elakkan terdedah kepada air banjir, terutamanya arus yang deras.



Masak makanan dengan sempurna dan simpan pada suhu yang sesuai.



Jaga kebersihan kawasan sekeliling.



Elakkan menghampiri barangan / wayar elektrik yang terdedah.

Dapatkan rawatan segera di pusat-pusat kesihatan berhampiran jika mengalami cirit-birit, muntah, demam dan lain-lain.



Peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran lalui peringkat saringan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bagi menyemarakkan Hari-Hari Kebesaran Islam.

La juga merupakan pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.

Musabaqah atau ujian peringkat saringan pada tahun ini telah dijalankan secara tertutup di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS di Jalan Ong Sum Ping mulai hari ini.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya dibahagikan kepada lima kategori seperti tahun-tahun sebelumnya, iaitu Kategori 'A', 'B', 'C', 'D' dan 'E'.

Kategori 'A' adalah terbuka kepada peserta yang berumur 11 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Jun 2006 dan selepasnya; dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'A' sebanyak dua kali berturut-turut.

Menghafaz Surah-Surah Pilihan dari Juz 30, iaitu Surah Al-Buruuj, Surah Ath-Thariq, Surah Al-A'laa, Surah Al-Ghasyiyah, Surah Al-Balad, Surah Asy-Syams, Surah Al-Lail, Kompilasi Surah-Surah Lazim bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Naas Berserta Pemahaman Surah Al-Muthafifiin, Surah Al-Insyiqaaq dan Surah At-Tin.

Kategori 'B' pula dibukakan kepada murid-murid berumur 17 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Jun 2000 dan selepasnya; dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'B' sebanyak dua kali berturut-turut; dan bukan terdiri daripada penuntut Institut Tahfiz

Al-Quran dalam dan luar negara. Menghafaz Surah-Surah Pilihan, iaitu Surah Luqman, Surah As-Sajdah, Surah Yaa Siin, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al-Waqi'ah, Surah Al-Mulk dan Surah Al-Insaan Berserta Pemahaman Surah Al-Kahfi dan Surah Luqman.

Manakala Kategori 'C' terbuka kepada semua peringkat umur; dan tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam Dalam Kategori 10, 20 dan 30 Juz sejak tahun 2010; serta tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'C' pada tahun sebelumnya.

Menghafaz 3 Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 3 Berserta Pemahaman Juz 2.

Sementara Kategori 'D' terbuka kepada semua peringkat umur; dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'D' sebanyak dua kali berturut-turut; serta tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam dalam Kategori 30 Juz.



SEORANG peserta ketika memperdengarkan bacaannya pada Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah.

Menghafaz 15 Juz Al-Quran, iaitu daripada Juz 1 hingga Juz 15 Berserta Pemahaman Juz 12.

Kategori terakhir, iaitu Kategori 'E' dibukakan kepada semua peringkat umur; dan tidak pernah menjadi johan tiga tahun berturut-turut dalam Kategori Menghafaz 30 Juz dan hanya boleh menyertai musabaqah semula, iaitu selepas dua tahun kemudian musabaqah diadakan.

Menghafaz 30 Juz Al-Quran, iaitu dari Juz 1 hingga Juz 30 Berserta Pemahaman Juz 23.

Seperti lazimnya, musabaqah ini akan diadakan dalam tiga peringkat, iaitu Peringkat Saringan Kebangsaan; Peringkat Separuh

Akhir Kebangsaan dan Peringkat Akhir Kebangsaan.

Seramai 309 peserta telah mendaftar untuk mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah, yang mana seramai 12 peserta akan dipilih bagi setiap kategori yang mempunyai markah 65 peratus ke atas untuk masuk ke Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1439 H berlangsung selama sembilan hari dan bermula hari ini hingga 1 Februari 2018.

LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

BERIKUT ADALAH TAJUK-TAJUK RUANG LENSA :

Tajuk-tajuk akan datang:

- 1) 'Alat-Alat Muzik Tradisi Brunei' (tarikh tutup 10 Februari 2018)
- 2) 'Taman dan Rekreasi di Negara Brunei Darussalam' (tarikh tutup 24 Februari 2018)
- 3) 'Keceriaan Sambutan Hari Kebangsaan' (tarikh tutup 10 Mac 2018)

Tajuk-tajuk tersebut hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.



TAJUK : 'Kanak-Kanak Belajar Mengaji'
Keterangan gambar : 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya', inilah peribahasa yang selalu dikaitkan dengan kanak-kanak, mereka hendaklah dididik dari awal untuk membentuk nilai-nilai murni.
Kamera : Canon EOS 800D, ISO 6400, aperture f/4.0, shutter speed 1/250 sec
Nama pemenang : Siti Amafina binti Haji Zaman / Nombor I.C. : 01-071451
No. 1, Simpang 5-6, Jalan 39 RPN Kampung Rimba, Gadong.

Azan dan iqamah bagi munfarid

1. Azan Dan Iqamah Bagi Munfarid Yang Mengerjakan Sembahyang Qadha

(i) Disunatkan iqamah ke atas munfarid yang hendak mengerjakan qadha sembahyang fardu lima waktu kerana ia dianggap sebagai iftitah atau pembukaan bagi sembahyang.

(ii) Berkenaan azan pula, terdapat perbezaan pendapat dalam Mazhab asy-Syafi'i di antara *qaul qadim* dan *qaul jadid*. Menurut *qaul jadid*, azan tidak dituntut ketika mengerjakan sembahyang qadha fardu lima waktu kerana waktunya sudah berlalu. Sebaliknya menurut *qaul qadim* pula, azan tetap disunatkan bagi sembahyang qadha fardu lima waktu.

Bagaimanapun, *jumhur* ulama asy-Syafi'i lebih cenderung untuk memilih *qaul qadim* iaitu sunat mendirikan azan ke atas mereka yang hendak mengerjakan sembahyang qadha fardu lima waktu sama ada secara berjemaah atau secara bersendirian.

Ini kerana menurut pendapat yang *ashah*, azan merupakan hak bagi sembahyang fardu lima waktu, maka ia tetap disunatkan sama ada dikerjakan dalam waktu mahupun di luar waktu. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu, katanya :

Maksudnya : "Kaum musyrikin telah mempersibukkan (mengganggu)

KELUARAN KEDUA

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam daripada menunaikan empat sembahyang fardu ketika Peperangan Khandaq sehinggalah berlalu - sebagaimana yang dikehendaki Allah - sebahagian waktu malam.

Lantas Baginda mengarahkan Bilal (supaya mendirikan azan), lalu beliau pun melaungkan azan. Selepas itu, beliau mendirikan iqamah lalu Baginda pun mengerjakan Sembahyang Fardu Zuhur. Kemudian beliau mendirikan iqamah lagi lalu Baginda pun mengerjakan Sembahyang Fardu Asar. Kemudian beliau mendirikan iqamah lagi lalu Baginda pun mengerjakan Sembahyang Fardu Maghrib. Kemudian beliau mendirikan iqamah lagi lalu Baginda pun mengerjakan Sembahyang Fardu Isyak."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi, an-Nasa'i dan Ahmad)

2. Azan Dan Iqamah Bagi Munfarid Perempuan

(i) Berbeza dengan lelaki, orang perempuan tidak disunatkan azan sama ada bagi sembahyang secara bersendirian atau secara berjemaah dalam kalangan jemaah perempuan, sekalipun azan itu dilakukan dengan suara yang perlahan.

Walaupun azan pada dasarnya tidak disunatkan atas perempuan, sekiranya


perempuan itu azan untuk dirinya sendiri dalam kadar yang hanya dapat didengar oleh dirinya sendiri, atau untuk jemaah sesama perempuan yang hanya dapat didengar dalam kalangan mereka, maka hukumnya tidak makruh bahkan adalah harus. Bagaimanapun, perempuan itu tidak mendapat pahala sunat kerana mendirikan azan. Akan tetapi, sekiranya dia mengangkat suaranya lebih daripada kadar tersebut, maka makruh hukumnya.

Dalam perkara ini, disyaratkan ke atas perempuan itu untuk tidak meniatkan azan tersebut sebagai azan syar'i. Ini kerana menurut syarak, perempuan bukanlah ahli untuk mendirikan azan, maka dengan sendirinya azan yang didirikannya itu hanya sebagai zikrullah semata-mata. Jika dia meniatkannya sebagai azan syar'i atau sebagai satu ibadah, maka hukumnya adalah haram.

(ii) Berbeza halnya jika seorang perempuan azan untuk jemaah lelaki atau *khuntsa*. Menurut syarak, tidak sah azan seorang perempuan bagi jemaah lelaki atau *khuntsa*, bahkan berdosa kerana lelaki dan *khuntsa* haram memandangnya. Ini kerana perbuatannya melaungkan azan itu boleh menyebabkan pandangan mereka tertumpu kepadanya. Perkara ini boleh berlaku kerana orang yang mendengar azan disunatkan untuk melihat orang yang azan. Tidak syak lagi perkara ini boleh menimbulkan fitnah. Di samping itu, azan dianggap sebagai tugas dan syiar yang hanya khusus bagi lelaki semata-mata.

Begitu juga sekiranya seorang perempuan meninggikan suaranya untuk azan di hadapan lelaki asing (*ajnabi*) yang bukan mahramnya, sekalipun ketika itu dia bersama mahramnya, maka haram hukumnya. Begitu juga haram jika perempuan itu meninggikan suaranya untuk azan di hadapan jemaah perempuan dengan adanya lelaki asing (*ajnabi*).

(iii) Adapun iqamah pula adalah disunatkan bagi perempuan ketika sembahyang sendiri dalam kadar suara yang hanya dapat didengar oleh dirinya sahaja. Begitu juga seorang perempuan



disunatkan mendirikan iqamah dalam jemaah yang didirikan sesama perempuan sahaja dengan suara yang rendah iaitu dalam kadar suara yang hanya dapat didengar oleh sesama mereka.

Sebaliknya, sekiranya seorang perempuan iqamah bagi lelaki atau *khuntsa*, maka iqamah tersebut tidak sah.

Secara ringkasnya, perempuan hanya boleh mendirikan iqamah untuk dirinya sendiri dan dia juga boleh mendirikan iqamah ke atas jemaah perempuan sahaja dengan suara yang rendah. Namun adalah ditegah seorang perempuan mendirikan iqamah ke atas *khuntsa* atau ke atas jemaah lelaki.

Demikian beberapa penjelasan mengenai hukum-hukum dan permasalahan azan dan iqamah bagi munfarid. Mudah-mudahan penjelasan ini mampu menambahkan ilmu dan memantapkan amal kita terutama dalam perkara menunaikan dan memelihara tuntutan azan dan iqamah yang merupakan keistimewaan khusus umat Islam.

'BERBEZA dengan lelaki, orang perempuan tidak disunatkan azan sama ada bagi sembahyang secara bersendirian atau secara berjemaah dalam kalangan jemaah perempuan, sekalipun azan itu dilakukan dengan suara yang perlahan.'

KECANGGIHAN teknologi komunikasi pada ketika ini, membawa fenomena baharu apabila ia tertumpu pada penggunaan media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah aktiviti dakwah.

Justeru, penggunaan media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram dan Twitter mempunyai peluang yang luas terhadap penyebaran mesej dakwah kerana sifatnya yang pantas dan lebih global.

Media sosial juga ibarat sebilah pisau yang dapat memberi kebaikan dan dalam masa yang sama dapat mendatangkan kemudaratan.

Kadang kala kita lupa akan batas-batas agama serta dosa dan pahala sehingga kita sanggup melanggar prinsip-prinsip Islam dengan menjatuhkan, mendedahkan keaiban seseorang termasuklah melakukan fitnah.

Dan yang lebih dahsyat lagi, ada yang sanggup mencipta berita, dokumen, gambar palsu untuk disebar untuk tujuan tertentu.

Sebagaimana yang disarankan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah al-Hujurat, ayat 11 yang bermaksud :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan *fastiq* sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim."

Terdapat beberapa prinsip-prinsip yang perlu ada pada diri di antaranya ialah



janganlah merendahkan dan mencaci maki orang lain kerana Allah Subhanahu Wata'ala lebih mengetahui siapa yang lebih baik antara kita; Jangan mendedahkan keaiban seseorang atau menyebarkan keburukan, kerana perkara ini dilarang oleh agama,

'OLEH itu, gunakanlah media sosial untuk tujuan dakwah dan perkara-perkara kebaikan. Bercakap perkara benar atau lebih baik berdiam sahaja kerana itu lebih memberi manfaat. Sesungguhnya orang beriman tidak bercakap perkara yang sia-sia dan tiada berfaedah. Ingatlah setiap pergerakan dan ucapan kita sentiasa diawasi oleh dua malaikat iaitu Raqib dan Atid. Setiap apa yang disebar dan diberitakan pasti akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.'

Dakwah siber

malah Allah Subhanahu Wata'ala mencela golongan yang suka mendedahkan aib orang lain; Janganlah menggelar seseorang dengan gelaran yang buruk kerana ia boleh mendatangkan dosa dan membawa kepada kefasikan; Janganlah menjadi agen penyebar fitnah dan berita palsu serta jauhlah dari berprasangka buruk kerana ia mendatangkan dosa. Seandainya disampaikan sesuatu berita itu, hendaklah disemak dulu kesahihannya; Jangan mencari kesalahan orang lain. Ingatlah bahawa Islam menyuruh mencegah

kemungkaran seiring dengan suruhan melakukan kebaikan; dan Menjaga tutur bicara agar tidak mendatangkan kemarahan orang lain. Kegagalan kita mematuhi keenam-enam prinsip di atas dikhuatiri akan mendedahkan diri kita kepada dosa antara sesama manusia yang berterusan. Ingatlah bahawa segala tutur bicara kita di dunia ini di bawah perhitungan Allah Subhanahu Wata'ala dan akan dibentangkan di akhirat.

Oleh itu, gunakanlah media sosial untuk tujuan dakwah dan perkara-perkara kebaikan. Bercakap perkara benar atau lebih baik berdiam sahaja kerana itu lebih memberi manfaat. Sesungguhnya orang beriman tidak bercakap perkara yang sia-sia dan tiada berfaedah.

Ingatlah setiap pergerakan dan ucapan kita sentiasa diawasi oleh dua malaikat, iaitu Raqib dan Atid.

Setiap apa yang disebar dan diberitakan pasti akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

Hanya perkataan-perkataan yang diredai Allah akan dicatat, manakala perkataan-perkataan yang mendatangkan kebencian Allah akan dicatat atas kemurkaan-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Zalzalah, ayat 7 dan 8, yang bermaksud :

"Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (ganjaran)nya. Dan sesiapa mengerjakan kejahatan sekalipun seberat zarah, nescaya dia akan melihat (balasan)nya."

BIBD anjur Taklimat Perancangan Kewangan



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama Perancang Kewangan Islam BIBD, Dayang Siti Nur Aqilah binti Hussin sejeurus mendengarkan Taklimat Perancangan Kewangan.

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Selaras dengan usaha Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk menggalakkan kesedaran

kewangan di Negara Brunei Darussalam, di samping meningkatkan kepentingan pengurusan kewangan dan literasi yang kukuh, bank berkenaan

mengadakan Taklimat Perancangan Kewangan kepada kakitangan dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Negara Brunei Darussalam.

Taklimat disampaikan oleh Perancang Kewangan Islam

BIBD, Dayang Siti Nur Aqilah binti Hussin.

Aktiviti-aktiviti seperti ini diharap akan dapat memupuk amalan kewangan dan kemahiran dalam membuat keputusan yang lebih baik kepada penerima

kewangan untuk masa hadapan.

Keterangan lanjut mengenai Perkhidmatan Perancangan Kewangan BIBD, boleh menghubungi Pusat Hubungan khusus BIBD melalui talian telefon +673 2238181.

مقركنلكن اقليكاسي موده اليه جابتن قرغن


Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Mantapkan asas akidah Ahli Sunnah Waljamaah



KURSUS Pengukuhan Islam 'Akidah Ahli Sunnah Waljamaah' bagi pegawai-pegawai kerajaan di Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Drs. Awang Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah (kiri) dan Dayang Juliana @ Nurhikmah binti Haji Idris (kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) mengukuhkan Kursus Pengukuhan Islam 'Akidah Ahli Sunnah Waljamaah' bagi

pegawai-pegawai kerajaan di Negara Brunei Darussalam. Kursus tersebut dijalankan selama empat hari bermula hari ini hingga 25 Januari nanti bertempat di Bangunan Darul Huda, PDI iaitu bilik Al-Intisyar dan bilik

Al-Basyir.

Seramai 60 peserta, termasuk 30 peserta perempuan dicalonkan oleh setiap kementerian bagi menghadiri kursus itu.

Antara perisian kursus ialah Latar Belakang Kemunculan Ahli Sunnah Waljamaah, Definisi Ahli Sunnah Waljamaah, Ciri-ciri Ahli Sunnah Waljamaah, perkara-perkara As Sam'iyat dan Al Ghaibiyat serta golongan yang menyeleweng daripada Ahli Sunnah Waljamaah.

Kursus dikendalikan oleh beberapa tenaga pengajar terdiri dari Pegawai PDI, iaitu Awang Haji Fansuri Shahrini @ Mansur bin Haji Md. Ali, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan, Dayang Siti Noraini binti Haji Md. Hashim, Drs. Awang Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah dan Dayang Juliana @ Nurhikmah binti Haji Idris.

Antara tujuan kursus ialah untuk memberikan kefahaman yang betul mengenai akidah Ahli

Sunnah Waljamaah, di samping memberikan penerangan mengenai asas-asas akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

PDI berharap dengan kursus yang diadakan ini akan dapat meningkatkan kefahaman dan seterusnya mengulang kaji pengetahuan yang sedia ada dan akan diamalkan oleh para peserta dalam kehidupan dan menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



MINDA

PEMBACA

Belia masa depan bangsa dan negara

GOLONGAN belia memainkan peranan yang signifikan dalam kemajuan sesebuah negara yang dinamik dan mampan. Perkara ini kerana, belia merupakan aset penyambung kepada negara dalam memastikan pembangunan, kestabilan dan masa depan sesebuah negara.

Tidak dinafikan golongan belia pada masa kini lebih terdedah dengan pelbagai cabaran dan rintangan tidak kira sama ada dari segi kehidupan, kewangan dan juga persekitaran. Mereka lebih mudah dipengaruhi dengan anasir-anasir

liar memandangkan belia pada masa kini merupakan 'Generasi Y', iaitu generasi berteknologi yang terdedah kepada modenisasi. Dalam perihal sedemikian, agensi-agensi yang tertentu perlulah mengambil tindakan yang proaktif bagi memastikan mereka ini tidak disisihkan dalam pembangunan dan pencapaian wawasan.

Sehubungan itu, pihak kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dalam membentuk belia yang berkualiti dan cemerlang sama ada dari aspek duniawi mahupun ukhrawi. Inisiatif-inisiatif ini

termasuklah memperkenalkan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang tertumpu kepada kepimpinan, ketahanan mental dan fizikal, Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun yang memberi peluang kepada belia untuk bertukar-tukar pandangan bersama delegasi-delegasi yang lain, Darussalam Enterprise (DARE) yang membantu belia-belia yang ingin berkecimpung dalam bidang keusahawanan, program sukarelawan yang mengajar belia erti kehidupan bermasyarakat dan bermacam-macam lagi. Apa yang pasti, para belia hendaklah berani untuk mencubakan diri serta tidak gentar dalam menyahut cabaran agar dapat memajukan diri untuk menjadi seorang belia yang berguna kepada bangsa dan juga negara.

Selain itu, para belia juga telah

diberi keistimewaan dalam melontarkan pendapat dan cadangan melalui wakil belia yang terpilih di dalam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada setiap tahun. Penghormatan ini jelas menunjukkan penglibatan belia adalah penting dalam mencorak pembangunan bangsa dan negara.

Jika dilihat pada situasi para belia Brunei pada masa ini, jelaslah bahawa para belia semakin tidak gentar malahan semakin rancak untuk menerokai sesuatu bidang yang baharu. Ternyata kini para belia Brunei semakin sedar akan pentingnya pembabitan mereka di dalam mencorak masa depan bangsa dan juga negara.

Nama : Majdi bin Dr. Haji Serbini
No. K/P : 01-055817 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Langkah Berjimat Cermat Menggunakan Elektrik'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2018
2. 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2018
3. 'Suburkan Semangat Bermucang-mucang'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Kejayaan pelajar, pihak sekolah dan ibu bapa mesti bekerjasama

Dari muka 2

Banyak kajian-kajian yang telah dibuat yang menyokong pendapat seperti titah-titah di atas, bahawa peranan ibu bapa dalam pembelajaran adalah amat penting. Walau sekolah itu penting, beberapa kajian menunjukkan ibu bapalah yang berperanan utama. Memeriksa kerja rumah, bertanya hal sekolah atau kegiatan yang mereka lakukan. Duduk bersama anak-anak masa mereka membuat kerja rumah, membaca dan sebagainya, mempunyai peranan besar ke atas pembelajaran mereka. Kanak-kanak akan mempunyai pemikiran yang positif terhadap sekolah, lebih bersedia untuk belajar, berkeyakinan berhadapan dengan guru dan rakan seadajarnya apabila ibu bapa mengambil tahu akan pembelajaran mereka.

Dan mengikut satu kajian lagi, ibu bapa yang banyak bercakap dengan anak-anak mereka tentang pelajaran mereka, mempunyai kelebihan dalam pembelajaran. Mengikut kajian psikologists Betty Hard and Todd Riskey, ibu bapa yang profesional (*professional parents*) bercakap lebih banyak dengan anak-anak mereka daripada ibu bapa yang bukan profesional, menyebabkan jurang perkataan (*word gap*) sebanyak 30 juta apabila menjangkau usia 3 tahun. Mengikut satu kajian lagi oleh penyelidik di UCLA, pertuturan dua hala antara orang dewasa dan anaknya adalah enam kali lebih berkesan dalam mempromosi bahasa daripada seorang dewasa sahaja yang bercakap. Dan apa yang dicakapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka adalah juga penting. Kanak-kanak yang sering mendengar percakapan mengenal nombor atau menghitung di rumah akan mempunyai lebih baik pengetahuan tentang Matematik apabila mereka di sekolah. Dan mengikut Profesor dari Harvard University's Graduate School of Education, ibu bapa memainkan peranan penting dalam apa yang dipanggil oleh profesor tersebut sebagai *academic socialization* yang menjelaskan adanya hubungan antara *behaviour* sekarang dengan sasaran atau matlamat hadapan kanak-kanak tersebut.

Dalam konvensyen ini, kita juga ingin mengajak semua ibu bapa untuk sama-sama membantu menayakan apa jua inisiatif atau usaha pihak Kementerian Pendidikan dalam kita berusaha meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan pencapaian pelajar. Antara inisiatif yang diadakan ialah :

i) meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi kanak-kanak melalui Program Coaching (LNCP) agar anak-anak kita boleh meningkatkan tahap literasi dan numerasi mereka sesuai dengan umur mereka. Tetapi setakat di bilik darjah sahaja tidak akan mencukupi, perlu jika ibu bapa ada kemampuan untuk meneruskan di rumah apa yang dibuat di sekolah.

ii) Inisiatif seterusnya ialah mempertingkatkan kemahiran guru agar mereka mencapai Gred 3 ke atas melalui program-program yang disusun di Brunei Darussalam Teachers' Academy (BDTA). Kita mengakui guru berperanan besar dalam pendidikan kanak-kanak. Maka guru-guru perlu memiliki *right attitude* terhadap murid di mana pengajaran dilakukan dengan rasa

penuh tanggungjawab. penuh komitmen, dengan pedagogi mengajar yang sesuai / dengan mengamalkan *differentiated teaching*, mempunyai pengetahuan asas yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajar. Bagi pelajar-pelajar yang dikenal pasti memerlukan perhatian atau bantuan pembelajaran, banyak pihak sekolah yang telah mengadakan kelas-kelas tambahan, intervensi pada setiap hari Jumaat bagi membantu pelajar sedemikian. Adalah diharapkan agar ibu bapa juga memastikan kelas-kelas intervensi dapat dihadiri oleh anak-anak mereka, terutama bagi yang tidak mempunyai masalah pengangkutan datang ke sekolah.

Di samping untuk memastikan suasana pembelajaran anak-anak di sekolah adalah kondusif, pihak Kementerian Pendidikan telah menyediakan pemimpin sekolah yang *instructional* yang boleh memimpin sekolah dalam semua aspek termasuk mengawasi pembelajaran kanak-kanak di bilik darjah dengan pencerapan dibuat ke atas guru. Pemimpin-pemimpin sekolah diatur untuk menjalani latihan kepimpinan sekolah melalui Program Brunei Programme for Senior School Leaders (BPSSL) agar mereka boleh menjadi pemimpin sekolah yang dapat memacu kejayaan pelajar-pelajarnya dan sekolah secara amnya.

Dan salah satu inisiatif lagi ialah meningkatkan lagi *school-home link* di antara ibu bapa dengan sekolah dan juga melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Kesemua inisiatif-inisiatif ini, sama ada di peringkat rendah atau menengah, tidak akan berjaya jika ibu bapa tidak berperanan terlibat sama untuk menjayakannya, atau memberi sokongan kepada inisiatif-inisiatif tersebut walaupun latar belakang sosioekonomi ibu bapa berbeza dan setiap keluarga mempunyai cabaran masing-masing, ini tidak menghapuskan peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka, kerana dengan menemani mereka duduk membuat kerja rumah atau membaca sahaja sudah boleh menimbulkan semangat anak-anak tersebut untuk berjaya.

Apatah lagi dalam usaha pihak kementerian untuk meningkatkan prestasi pendidikan secara keseluruhan di negara ini, tidak ada pihak yang sepatutnya bertindak *passive*. Buat pengetahuan hadirin sekalian, secara keseluruhan pencapaian pelajar di negara ketika ini masih di tahap yang memerlukan banyak perhatian. Hasil daripada maklum balas yang diterima oleh pihak Jabatan Sekolah-Sekolah, dari semua sekolah-sekolah rendah berhubung dengan perkara ini, menunjukkan bahawa tahap pencapaian yang rendah berkenaan adalah berpunca daripada :

i) Rendahnya pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik bagi kebanyakan murid terutama sekali bagi mereka yang dikenal pasti berada di dalam Kategori 'D' dan 'E' berdasarkan penilaian CPA;

ii) Murid-murid berkenaan juga dikenal pasti mempunyai kemahiran asas literasi dan numerasi di tahap yang rendah temtama sekali di kalangan murid yang mengikuti Program REP (Remedial Education Programme);

iii) Kekurangan kemahiran asas tersebut menyebabkan murid-

murid berkenaan menghadapi kesukaran untuk memahami soalan-soalan yang memerlukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) atau Higher Order Thinking Skills (HOTS) yang mana memerlukan penggunaan *multi-step approach* sehingga menyebabkan mereka tidak berupaya menangani dan menjawab soalan dengan baik. Tahun ini pelajar-pelajar kita yang berumur 15 tahun akan menduduki PISA dalam literasi untuk mengetahui sejauh mana pendidikan sistem negara melahirkan pelajar sebanding dengan negara-negara lain; ke arah ini Kementerian Pendidikan telah menyediakan program-program bagi pelajar-pelajar untuk menduduki PISA.

iv) Kemahiran yang rendah ini juga menyebabkan murid kurang bermotivasi untuk belajar dan membuat ulang kaji persendirian di rumah di samping kurangnya sokongan daripada ibu bapa dan penjaga. Perkara ini jelas dapat dilihat daripada kurangnya kehadiran ibu bapa dari kalangan murid yang di dalam Kategori 'D' dan 'E' semasa sesi perjumpaan guru-guru dengan ibu bapa / penjaga (Parents Teachers Meeting);

v) Kekurangan latihan dan pendedahan bagi membolehkan murid-murid menguasai soalan-soalan berbentuk HOTS adalah juga merupakan faktor yang memaksa guru-guru meluangkan masa yang lebih banyak bagi memperbaiki kemahiran asas murid terbahit.

Berdasarkan di atas, adalah jelas bahawa sebahagian besar dari masalah dan cabaran yang dihadapi banyak membabitkan keluarga dan ibu bapa. Maka adalah penting bagi semua pihak terbabit bekerjasama mengenal pasti peranan dan prioriti masing-masing serta bersepakat dalam menetapkan strategi dan tindakan yang sesuai bagi mengatasinya, demi kebaikan semua pihak dan negara amnya.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21, iaitu SPN21, fenomena globalisasi dan digitalisasi di Abad Ke-21 telah membawa cabaran-cabaran baharu kepada sektor pendidikan negara. Dengan hal yang demikian, bagi menyambut cabaran-cabaran ini, SPN21 telah digubal sedemikian rupa dengan menekankan kepada pendidikan kemahiran-kemahiran kritikal dalam Matematik, Sains, bahasa, ICT, kemahiran keusahawanan dan pendidikan sepanjang hayat, dengan tanpa menyetepikan aspek pendidikan holistik yang lain seperti penyediaan nilai rohani, moral, sikap dan nilai budaya yang positif, serta perkembangan jasmani.

Berdasarkan di atas, tujuan SPN21 adalah untuk :

i. Memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial Abad Ke-21.

ii. Merealisasikan visi dan misi Kementerian Pendidikan iaitu :

Visi : 'Pendidikan Berkualiti Negara Dinamik'

Misi : 'Untuk Memberikan Pendidikan Yang Holistik Bagi Mencapai Potensi Yang Penuh Bagi Semua'

iii. Menyediakan kemahiran-kemahiran hidup dalam Abad Ke-21.

iv. Memenuhi tema-tema strategik berdasarkan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan (2007-2011).

v. Meningkatkan kadar jumlah penuntut di peringkat pendidikan tinggi dari kadar 14 peratus yang sedia ada masa kini ke tahap 30 peratus dalam jangka waktu lima tahun akan datang.

vi. Mencapai matlamat untuk membolehkan sekurang-kurangnya 50 peratus jumlah penuntut lepasan sekolah menengah termasuk lepasan sekolah vokasional dapat meneruskan pelajaran di peringkat tertinggi.

vii. Terus berusaha ke arah meningkatkan lagi kualiti kehidupan di negara ini melalui penyediaan dan pembaharuan sistem pendidikan yang lebih berupaya dan berdaya saing untuk meningkatkan kecakapan rakyat dan penduduk Brunei.

viii. Mencapai Wawasan Brunei 2035.

Secara ringkasnya Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang dikenali di seluruh dunia, pada tahun 2035, yang memiliki ciri-ciri berikut :

- rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya berdasarkan piawaian tertinggi antarabangsa;

- kualiti taraf hidup yang tinggi di kalangan 10 negara teratas di dunia; dan

- ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dengan kedudukan di antara 10 negara teratas dari segi pendapatan per kapita.

SPN21, sebagai sebuah sistem pendidikan yang memandang ke hadapan (*forward-looking*) lagi mantap bagi membina generasi akan datang yang berwibawa, adalah merupakan suatu anjakan paradigma dalam sistem pendidikan kita (Masuriyati Yahya & Che Zarrina Saari, 2015), dijangka mampu menyediakan asas dan hala tuju yang baik ke arah pencapaian hasrat Wawasan Brunei 2035.

Akhir sekali, saya ingin memetik dan mengongsi kajian yang menunjukkan penglibatan ibu bapa dalam berbagai bentuk, mempunyai impak yang positif dalam beberapa petunjuk pencapaian pelajar termasuk :

i) Memperoleh markah yang tinggi dalam ujian;

ii) Mahu mendaftar / mengikuti program pendidikan yang lebih tinggi dan mahu mengikuti kelas lanjutan;

iii) Kurang kadar berhenti sekolah (*drop-out rates among students*);

iv) Kadar pengijazahan yang tinggi;

v) Kemungkinan besar melanjutkan pelajaran ke

peringkat tinggi (*tertiary*).

Di samping itu, selain daripada pencapaian akademik, kanak-kanak sedemikian juga :

i) Memiliki *better social skills*, yakin dan memiliki sikap pergaulan yang lebih baik

ii) Mempunyai tingkah laku yang lebih baik

iii) Mudah menyesuaikan diri dengan suasana sekolah

iv) Mempunyai keyakinan diri untuk belajar

v) Lebih memberi perhatian kepada kerja-kerja sekolah

vi) Berkepercayaan akan pentingnya pendidikan.

Untuk itu, dan sebagai penutup suka saya memetik Khutbah Jumaat pada 14 Januari 2011 mengenai pentingnya peranan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak seperti berikut, yang mana sangat elok dihayati oleh kita semua sebagai golongan ibu bapa :

"Pencapaian prestasi anak-anak kita dalam pelajaran adalah bergantung kepada perancangan dan penilaian bersungguh-sungguh oleh ibu bapa sendiri. Dalam hal ini, perlulah ibu bapa membudayakan ilmu dan ahlak dalam kehidupan seharian anak-anak. Dalam menjamin keberkesanan fungsi ibu bapa dalam menentukan kejayaan pendidikan anak-anak, maka mimbar menasihatkan ibu bapa sekalian agar menetapkan sekurang-kurangnya enam petunjuk sebagai ukuran bagi menentukan hala tuju dan tindakan yang mesti dilaksanakan oleh anak-anak kita, antaranya seperti berikut :-

i) Pertama, memastikan anak-anak menunaikan solat fardu lima kali sehari semalam secara konsisten;

ii) Kedua, memastikan anak-anak mempelajari dan memahami Al-Quran setiap hari;

iii) Ketiga, memastikan anak-anak mendapat makanan halal, berzat dan memenuhi keperluan vitamin setiap hari;

iv) Keempat, menyemak buku-buku latihan dan kerja setiap mata pelajaran anak;

v) Kelima, menetapkan sasaran setiap mata pelajaran anak sekurang-kurangnya mencapai 80%, dan;

vi) Keenam, mengadakan perjumpaan dengan guru kelas sekurang-kurangnya sekali dalam setiap semester atau penggal bagi mendapat maklum balas mengenai prestasi pembelajaran dan tahap syahsiah anak-anak ketika berada di sekolah."

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

"UNTUK memastikan suasana pembelajaran anak-anak di sekolah adalah kondusif, pihak Kementerian Pendidikan telah menyediakan pemimpin sekolah yang instructional yang boleh memimpin sekolah dalam semua aspek termasuk mengawasi pembelajaran kanak-kanak di bilik darjah dengan pencerapan dibuat ke atas guru. Pemimpin-pemimpin sekolah diatur untuk menjalani latihan kepimpinan sekolah melalui Program Brunei Programme for Senior School Leaders (BPSSL) agar mereka boleh menjadi pemimpin sekolah yang dapat memacu kejayaan pelajar-pelajarnya dan sekolah secara amnya."

IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)
 BILANGAN IKLAN 09/01/18 (SPA/BIKL)
 Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
TARIKH IKLAN: 24 JANUARI 2018
TARIKH TUTUP: 07 FEBRUARI 2018

1. PEGAWAI PELAJARAN G.13 BAHAGIAN II BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN: SATU (01)	2. PENTERJEMAH KANAN C.2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN-JABATAN KERAJAAN KEKOSONGAN: SATU (01)
---	--

PERATURAN 38(A)
 BILANGAN IKLAN 11/2018 (SPA/BIKL)
 Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.
TARIKH IKLAN: 24 JANUARI 2018
TARIKH TUTUP: 14 FEBRUARI 2018

1. PENGANALISA SISTEM KANAN B.3 BAHAGIAN II PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN: SATU (01)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:
 Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE: **TALIAN DARUSSALAM 123**

JABATAN UKUR
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JUALAN LELONG SECARA SEBUT HARGA TERTUTUP BAGI 2 BUAH PERAHU FIBREGLASS BG 0174 DAN BG 0179, JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

- BILANGAN LOT:**
1
KETERANGAN:
 BG 0174 - UKUR5
 FIBREGLASS (BOT LAJU)
JUMLAH:
 1 BUAH
- BILANGAN LOT:**
2
KETERANGAN:
 BG 0179 - UKUR4
 FIBREGLASS (BOT LAJU)
JUMLAH:
 1 BUAH
- TEMPAT:**
 Bengkel Jabatan Ukur, Simpang 312, Kampung Burong Lepas, Jalan Bengkurong Masin, Negara Brunei Darussalam.

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong firma swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Dokumen tawaran, syarat-syarat dan

keterangan lanjut mengenainya boleh didapati di Bengkel Jabatan Ukur, Simpang 312, Kampung Burong Lepas, Jalan Bengkurong Masin, Negara Brunei Darussalam.

3. Untuk melihat barang-barang berkenaan, sila hadir pada **29 Januari 2018** hingga **3 Februari 2018**, semasa waktu berkerja dari jam **9.00 Pagi** hingga **3.00 Petang** bertempat di Bengkel Jabatan Ukur, Simpang 312, Kampung Burong Lepas, Jalan Bengkurong Masin, Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran hendaklah diserahkan kepada Penyambut Tetamu, di Tingkat 4, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Jalan Pembangunan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada jam **9.00 Pagi**, Isnin, **5 Februari 2018**.
5. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup dengan menunjukkan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.
6. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan.
7. Pembeli yang berjaya akan dimaklumkan dan dikehendaki membayar pembayaran secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli tidak lewat (7) hari dari tarikh sebut harga ditutup.

JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN
JABATAN PERDANA MENTERI

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY OF PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE) TO PUSAT PEMBANGUNAN KAPASITI, LAMBAK KANAN, JALAN 10 SELATAN, BERAKAS B.

Wang cagaran tidak akan dikembalikan)

Tarikh dibuka :
8. Sijil pendaftaran syarikat / Nama-nama Perniagaan (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Sijil Pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.


**PEJABAT PENERBANGAN
 KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA**

**NOTIS TAWARAN BILANGAN :
 HMSF / TDR / 06 / 2017**

**TAJUK :
 SUPPLY, DELIVERY, TESTING
 AND COMMISSIONING OF
 AVIATION FUEL HYDRANT
 DISPENSER FOR FUEL FARM
 DEPOT FOR HIS MAJESTY
 THE SULTAN'S FLIGHT**

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mempunyai Sijil Pendaftaran Akta nama-nama perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah dan mempunyai kepakaran dalam memperoleh dan mendatangkan barangan jenis Jentera Dispenser Hidran (Truck Mounted Hydrant Dispenser) serta sijil-sijil perakuan yang bersesuaian.

2. Dokumen tawaran yang berharga BND100.00 (tidak dikembalikan) bolehlah diperolehi dari Unit Pemantauan, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan, sila berhubung di talian telefon +673 2460043 sambungan 2109 dan 2180. Tarikh akhir mengambil borang tawaran adalah pada **8 Januari 2018**.

3. Syarikat-syarikat mestilah membawa bersama sijil pendaftaran perniagaan semasa melakukan pembayaran.

4. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan Jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.

5. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam **2.00 Petang, Isnin, 5 Februari 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.

7. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan dengan menyertakan salinan sijil pendaftaran perniagaan.

8. Tawaran akan dikira sah laku dalam tempoh **180 hari** dari tarikh akhir menghantar tawaran.

9. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN / 4 (39 / 1997).

10. Kerajaan Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.


**KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
 KEMENTERIAN KEWANGAN**

**TAWARAN KASTAM :
 AUCTION / 1 / 2018**

**JUALAN LELONG
 ENJIN OUTBOARD
 JABATAN KASTAM
 DAN EKSAIS DIRAJA,
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KETERANGAN ENJIN :

1. YAMAHA 15 HP. Jumlah : 2
2. YAMAHA 40 HP. Jumlah : 1
3. YAMAHA 60 HP. Jumlah : 8
4. YAMAHA 85 HP. Jumlah : 8

**TAWARAN KASTAM :
 AUCTION / 2 / 2018**

**JUALAN LELONG BOT
 JABATAN KASTAM
 DAN EKSAIS DIRAJA,
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

KETERANGAN PERAHU :

1. PERAHU KAYU. Jumlah : 6
2. PERAHU FIBERGLASS. Jumlah : 3

**TAWARAN KASTAM :
 AUCTION / 3 / 2018**

**JUALAN LELONG KENDERAAN
 JABATAN KASTAM
 DAN EKSAIS DIRAJA,
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

NO. PENDAFTARAN DAN MODEL:

1. No. Pendaftaran : BG1274.
 Model : NISSAN SUNNY
2. No. Pendaftaran : BG1275.
 Model : MITSUBISHI PAJERO
3. No. Pendaftaran : BG1276.
 Model : FORD TRANSIT
4. No. Pendaftaran : BG1277.
 Model : HYUNDAI ATOS
5. No. Pendaftaran : BG1278.
 Model : HONDA ODESSEY
6. No. Pendaftaran : BG1280.
 Model : TOYOTA CROWN
7. No. Pendaftaran : BG1256.
 Model : MITSUBISHI SPACE WAGON
8. No. Pendaftaran : BG1257.
 Model : MITSUBISHI GRANDIS

**Tempat melihat / Lokasi :
 Ibu Pejabat**

**Jabatan Kastam dan Eksais Diraja,
 Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910,
 Negara Brunei Darussalam**

9. No. Pendaftaran : BG3633.
 Model : TOYOTA VIOS
10. No. Pendaftaran : BG3640.
 Model : NISSAN X-TRAIL
11. No. Pendaftaran : BG1273.
 Model : ISUZU TRUCK

**Tempat melihat / Lokasi :
 Gudang Jabatan Kastam
 dan Eksais Diraja**

**Bahagian Penguatkuasaan
 Undang-Undang
 Cawangan Muara**

**Jalan Belangkas, Muara
 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
 Negara Brunei Darussalam.**

Tempat mengambil borang :

Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
 Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910
 Negara Brunei Darussalam.

Tarikh mengambil borang pada:

22 hingga 25 Januari 2018
 dan 27 Januari 2018

**Tarikh tutup mengantar
 borang sebut harga pada :**

30 Januari 2018, jam 2:00 Petang

**Tarikh melihat enjin outboard,
 bot dan kenderaan pada :**

25, 27 dan
 29 Januari 2018

**Jam melihat enjin outboard,
 bot dan kenderaan :**

9.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
 2.00 Petang hingga 4.00 Petang

**Lokasi melihat enjin outboard
 dan bot :**

Gudang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
 Bahagian Penguatkuasaan
 Undang-Undang
 Cawangan Muara
 Jalan Belangkas, Muara

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
 Negara Brunei Darussalam.

SYARAT DAN PERATURAN :

1. Jualan lelong enjin outboard, bot dan kenderaan ini adalah seperti adanya (*as it is*).

2. Tidak ada jaminan selepas jualan.

3. Semua pembayaran hendaklah dibayar secara tunai sahaja.

4. Penyertaan jualan lelong dalam borang yang dihadapkan tidak boleh dibatalkan atau menarik diri dari tawaran.

5. Peserta yang berjaya akan dihubungi melalui talian telefon anda.

6. Peserta yang berjaya hendaklah mengambil enjin *outboard* / bot / kenderaan dengan membuat pembayaran tunai dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh pemberitahuan.

7. Jualan lelong enjin *outboard*, bot dan kenderaan ini tidak boleh dikembalikan selepas jualan dan wang tidak akan dikembalikan.

8. Tidak ada penukaran harga dibenarkan selepas makluman kejayaan.

9. Tarikh tutup bagi tawaran lelong ini adalah pada **30 Januari 2018, jam 2.00 Petang**.

10. Borang penyertaan lelong hendaklah di masukan ke dalam peti tawaran Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, di Lantai Dasar bangunan Ibu Pejabat Kastam Dan Eksais Diraja, Jalan Menteri Besar, Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

1. DOKUMEN-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 3 Januari 2018**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal atau sepertimana yang dinyatakan. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang, Selasa pada 30 Januari 2018**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI sahaja (yuran tawaran tidak akan dikembalikan)**. Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

Waktu Menerima Bayaran

Isnin hingga Khamis

8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang

Sabtu

8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

a) Sijil pendaftaran perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

b) Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine)

mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act (Cap. 114).

c) Manakala bagi pemborong / pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

TAWARAN

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 237 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 238 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 239 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 240 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 241 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 242 / 2017
KETERANGAN :**

**THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 243 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 244 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 245 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 246 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 247 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 248 / 2017
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY
OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF
PHARMACEUTICAL SERVICES
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 44 / 2017
(ESTETRIPASH)
KETERANGAN :
THE PROVISION OF
MAINTENANCE SERVICES FOR
STEAM BOILERS AND**

**ASSOCIATED EQUIPMENT
UNDER RAJA ISTERI PENGIRAN
ANAK SALEHA (RIPAS)
HOSPITAL FOR A PERIOD
OF SIX (6) MONTHS**

**Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan atau Kementerian
Pembangunan**

**Kelas : - Kategori : -
YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 45 / 2017
(ESTETRIPASH)
KETERANGAN :
ONE YEAR TERM CONTRACT
FOR COMPREHENSIVE
MAINTENANCE AND REPAIR
OF GENERATOR SET IN RAJA
ISTERI PENGIRAN ANAK
SALEHA (RIPAS) HOSPITAL**

**Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan Kementerian
Pembangunan**

**Kelas : -
Kategori : M03, E01, E02 dan E03
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 46 / 2017
(ESTETRIPASH)
KETERANGAN :
THE PROVISION OF
COMPREHENSIVE MAINTEN
ANCE SERVICES FOR LIFTS AND
DUMBWAITERS AT RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA
(RIPAS) HOSPITAL FOR A
PERIOD OF ONE (1) YEAR**

**Kelayakan Pemborong / Pembekal :
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan Kementerian
Pembangunan**

**Kelas : -
Kategori : KPME02
YURAN TAWARAN :
BND30.00**

**BILANGAN TAWARAN :
KK / 47 / 2017(LAB)
KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVER
NITRILE EXAMINATION GLOVES
FOR PHLEBOTOMY AND BLOOD
DONATION SERVICES AT RIPAS
HOSPITAL, DISTRICT HOSPITALS
AND HEALTH CENTRES,
CLINICAL LABORATORY
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND10.00**

**TARIKH TUTUP
TAWARAN-TAWARAN :
30 JANUARI 2018
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

**IKLAN WEBSITE PADA
3 JANUARI 2018**



Apa Pendapat Biskita?

Belia Ceburi Bidang Perniagaan

DALAM menempuhi kehidupan kini, terutama dalam mencari pekerjaan yang sesuai semestinya juga memerlukan pendidikan yang berkaitan, ditambah lagi dengan laungan jawatan kosong yang memerlukan kemahiran, di samping segolong ijazah atau sijil di tangan.

Selain itu, persaingan bagi memperoleh sesuatu jawatan di antara seseorang pemohon dengan pemohon yang lain memerlukan ketabahan dan kesediaan yang cukup dari segi mental juga fizikal.

Pemikiran yang positif dan keinginan untuk memperoleh rezeki yang halal dalam kalangan mahasiswa-mahasiswi, graduan dari dalam mahupun luar negara juga lepasan sekolah kini telah mendorong mereka untuk berusaha berkecimpung atau berjinak-jinak dalam dunia perusahaan dan tidak bergantung sepenuhnya pada pihak kerajaan mahupun swasta.

Susulan situasi berkenaan ia menyebabkan golongan belia tersebut terpaksa mengambil inisiatif menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat menemui beberapa orang belia yang menceburkan diri ke dalam bidang perniagaan kecil-kecilan.

"Saya sudah memulakan perniagaan sejak beberapa tahun lalu dengan menjadi agen penjual pada beberapa produk kesihatan, barang kosmetik, minuman berkhasiat dan sedikit barangan berjenama.

Pendapatan tidaklah menentu, tetapi lumayan mencecah ke dua ribu hingga ketiga ribu sebulan asalkan rajin menemui klien dan menawarkannya ke dalam media sosial.

Setakat ini, jualan terus bertambah begitu juga dengan permintaan yang meningkat, tetapi ada jua kalanya sepi pelanggan namun permintaan tetap." - **Linda, Perumahan Lugu.**

"Bagi saya berniaga mungkin cara terbaik mendapat wang lebih berbanding makan gaji kerana bagi hanya diterima tetap jumlahnya, sedang berniaga pendapat terus bertambah walaupun terpaksa dari awal pagi hingga ke tengah malam.

Dengan menjual nasi katok dan nasi lemak, pelanggan tidak pernah sunyi, adakala bekalan kita abis dan sebahagian pelanggan yang setia sudi menunggu buat beberapa minit bagi mendapatkan pesanan.

Selalunya setiap hari jualan pendapat melebihi lima ratus ringgit, cuma kita mesti menyediakan bekalan seperti ayam, sambal, nasi dan yang lain jangan terputus.

Ada juga sebahagian pelanggan membuat pesanan dengan menggunakan media sosial dan secara tempahan, kedua hal tersebut membuatkan pesanan selalu bertambah." - **Sur, Perumahan Rimba.**

"Faktor pertama Belia Ceburi Bidang Perniagaan ia boleh mengurangi pengangguran dalam kalangan belia remaja dan tidak bergantung kepada pihak kerajaan untuk menjawat perkerjaan yang ada ditawarkan.

Ia juga boleh mengajar hidup berdikari dan berdaya saing dengan peniaga peniaga yang sudah berkembang dan berjaya.

Untuk permulaan boleh dibuat melalui jual beli dalam talian atau dengan menggunakan laman-laman sosial yang juga sangat mudah dan berkesan.

Dari segi ugama pula ia sangat dituntut dan adalah satu pekerjaan yang mulia." - **cPin, Perumahan Meragang.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-mel pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Penglibatan Sukarelawan.
- ii. Remaja dan Gadget

29 peserta memperdengarkan hafazan Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Januari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah bagi Kategori 'A' diteruskan lagi buat hari kedua bertempat di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS Blok 2H Tingkat 8, Kondominium Ong Sum Ping.

Seramai 125 peserta terdiri daripada 58 lelaki dan 67 perempuan bertanding dalam Kategori 'A' selama dua hari bermula semalam.

Di sebelah pagi hari kedua mempertandingan seramai 29 peserta dan selebihnya, 48 peserta memperdengarkan bacaan mereka di hari berikutnya.

Bagi Kategori 'A' ini dibukakan kepada peserta yang berumur 11 tahun ke bawah yang lahir pada 1 Jun 2006 ke atas dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'A' sebanyak dua kali berturut-turut.

Musabaqah Menghafaz Surah-Surah Pilihan dari Juz 30 iaitu Surah Al-Buruuj, Surah Ath-Thariq, Surah Al-A'laa, Surah Al-Ghasyiyah, Surah Al-Balad, Surah Asy-Syams, Surah Al-Lail, Kompilasi Surah-Surah Lazim bermula dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah An-Naas berserta Pemahaman



SEORANG peserta Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1439 Hijrah bagi Kategori 'A' ketika memperdengarkan hafazan Al-Quran dan Pemahamannya yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS Blok 2H Tingkat 8, Kondominium Ong Sum Ping.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Surah Al-Muthafifiin, Surah Al-Insyiqaaq dan Surah At-Tin. Peringkat Saringan ini berlangsung selama sembilan hari dan akan berakhir sehingga awal bulan hadapan.

قىستا بوكو بروني

دان كرنيزول ممبركاس بودايا ممبراچ 2018

PESTA BUKU BRUNEI

DAN KARNIVAL MEMPERKASA BUDAYA MEMBACA 2018

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34, TAHUN 2018

ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Buku Jendela Ilmu

STADIUM TERTUTUP
KOMPLEKS SUKAN NEGARA
HASSANAL BOLKIAH, BERAKAS

27 FEBRUARI-08 MAC 2018

Setiap Hari

8.30 Pagi-10.00 Malam

Hari Jumaat

9.00 Pagi-11.30 Pagi

2.30 Petang-10.00 Malam

Datanglah Beramal-ramal

pestabukubrunei@dbp.gov.bn
 PBBrunei

Institusi beraja asas pengukuhan bahasa Melayu



PERWAKILAN dari Negara Brunei Darussalam ketika menyertai Permesyuaratan United Nations Group of Experts on Geographical Names (UNGEGN) di Kuala Lumpur pada tahun 2016.

BAGI Negara Brunei beraja, institusi beraja adalah warisan tradisi bangsa Brunei yang diamalkan turun-temurun sejak 1,400 tahun yang lalu. Pengekalan sistem ini telah menyebabkan nilai-nilai sosiobudaya dan bahasa Melayu terus wujud menjadi lambang identiti dan jati diri keBruneian. Dalam Seminar Internasional Leksikologi dan Leksikografi 'Teknologi Bahasa dan Budaya dalam Penelitian Leksikologi dan Leksikografi' anjuran Laboratorium Leksikologi dan Leksikografi Departemen Linguistik Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia, Depok Jakarta pada Khamis, 4 Mei 2017, perwakilan dari Negara Brunei Darussalam telah menyampaikan kertas kerja yang memfokuskan peranan institusi beraja dalam mendokong perkembangan dan pengukuhan penggunaan bahasa Melayu. Dua buah kertas kerja telah diketengahkan, iaitu daripada penulis sendiri bertajuk 'Peranan Bahasa Dalam Penamaan Geografi' dan Awang Zulkiflee bin Haji Abdul Latif yang bertajuk 'Bahasa (Melayu) Berupaya Mengekalkan Negara Melayu Islam Beraja' (Surutan Dalam Konteks Sejarah). Dalam kertas kerja penulis telah membincangkan tentang kepentingan pengamalan pemerintahan sistem beraja di Negara Brunei Darussalam yang secara langsung telah memperkasa dan memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara berdasarkan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 Pindaan 2004 dan 2008.

Manakala dalam kertas kerja Awang Haji Zulkiflee, isu yang dibincangkan adalah tentang kemampuan dan keupayaan bahasa Melayu sebagai alat perantaraan dan perhubungan sosio-politik serta ekonomi sepanjang kebangkitan

Kesultanan Brunei sejak Abad Ke-14 hingga Abad Ke-21 ini. Kekukuhan dan kesinambungan pengamalan sistem beraja dari sejak kewujudan Kerajaan Brunei Tua yang wujud sejak Kurun Ke-7 lagi bahasa Melayu telah menjadi bahasa lingua franca dan perhubungan dalam dan luar negeri. Ketuanan bangsa Brunei yang mengamalkan budaya dan bahasa Melayu sebagai identiti keBruneian diperkukuhkan lagi dengan kedatangan agama Islam ekoran dari pengislaman Awang Alak Betatar (Sultan Muhammad Shah) setelah perkahwinan baginda dengan Puteri Johor (Singapura Tua) dalam tahun 1368 Masihi. Kesultanan Brunei yang diasaskan oleh Sultan Muhammad Shah ini dikatakan ada kaitan dengan keturunan daripada Raja-Raja Melayu dari Palembang yang mempengaruhi sejarah perkembangan Kerajaan-kerajaan Melayu Nusantara termasuk penubuhan Kerajaan Singapura oleh Sang Nila Utama dalam Abad Ke-13 Masihi.

Ketamadunan Melayu khususnya dalam perdagangan maritim sehingga ke zaman kemunculan Kerajaan Melaka dan Aceh dari Abad Ke-13 Masihi telah mengambil peranan penting sebagai pusat perdagangan dan menghidupkan ketamadunan Melayu Nusantara. Dengan bahasa Melayu dijadikan

Oleh : Dr. Muhammad Hadi Md. Melayong
Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan
Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

sebagai bahasa perdagangan internasional atau lingua franca. Maka bahasa ini mengambil alih dalam sebaran politik dan mengekalkan kedaulatan bangsa Melayu di setiap wilayah dan kerajaan. Dari perspektif sejarah, Brunei yang dieja dalam tulisan jawi pada beberapa manuskrip Melayu lama disebut sebagai B-r-n-y. Ia adalah salah sebuah kerjaan Melayu mengamalkan budaya Melayu, beragama Islam dan pemerintahan beraja yang menjadikan sebagai teras pada kewujudan negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang kekal sehingga ke hari ini. Hubungan timbal balik dalam pengamalan antara bahasa dan sistem beraja telah menyumbang pada penerusan *survival* warisan orang Brunei melalui alat perhubungan, iaitu Bahasa Melayu. Maka peranan bahasa ini pada peringkat awal kewujudan sistem beraja telah dapat menyatupadukan rumpun bangsa Melayu yang berlainan etnik dalam menghadapi segala cabaran dan rintangan. Warisan ini sebagai penyatuan dan perpaduan kehidupan bermasyarakat berlaku sehingga hari ini khususnya di Negara Brunei Darussalam umumnya penduduk Kepulauan Borneo.

"HUBUNGAN timbal balik dalam pengamalan antara bahasa dan sistem beraja telah menyumbang pada penerusan survival warisan orang Brunei melalui alat perhubungan, iaitu Bahasa Melayu. Maka peranan bahasa ini pada peringkat awal kewujudan sistem beraja telah dapat menyatupadukan rumpun bangsa Melayu yang berlainan etnik dalam menghadapi segala cabaran dan rintangan."

Pada zaman silamnya perhubungan diplomatik dan perdagangan dengan masyarakat luar berjalan dengan aman dan baik berdasarkan pada prinsip kerjasama dan persetujuan perjanjian bagi keuntungan bersama. Malahan dalam waktu perbelahan, pertelingkahan serta peperangan seperti pencerobohan kuasa-kuasa Barat, bahasa Melayu ini diperalatkan sebagai penghubung, penyatuan tenaga dan penyelesaian masalah dari sudut sosiopolitik dan ekonomi. Hal ini digambarkan melalui peninggalan mansukrip-manuskrip lama melalui karya orang-orang Melayu seperti sindiran, seloka, kiasan, pantun, surat perjanjian, kitab agama juga melalui puisi yang kebanyakannya ditulis dalam tulisan Jawi dan kemudiannya rumi. Ini adalah merupakan khazanah kemelayuan yang mudah difahami oleh etnik sewilayah atau kawasan kedaerahannya. Perpaduan ras dari penggunaan bahasa Melayu telah mengukuhkan kekuatan dalam menghadapi emosi tanpa mendapat kesangsian luar kerana ia lebih merupakan hasil sastera. Bagi Brunei antara hasil sastera yang melambangkan keagungan bahasa Melayu ialah Syair Awang Semaun - manuskrip pembentukan Kerajaan Brunei Kurun Ke-15, Syair Rakis daripada Pengiran Shahbandar Pengiran Muhammad Salleh (dalam era cabaran kedatangan kuasa Barat), Syair Perlembagaan 1959 (mengenai liku-liku pembentukan Brunei Berperlembagaan bagi mengembalikan kedaulatan dari Kerajaan British), dan puisi-puisi semangat kebangsaan daripada penulis-penulis tempatan seperti

H.M.Salleh, Yura Halim, Awang Mohd.Jamil, Yahya M.S., Badaruddin H.O., Adi Rumi dan lain-lain. Hubungan etnik yang kukuh dan kerukunan hidup bermasyarakat melalui sikap toleransi membawa pada kesinambungan kedaulatan negara yang merdeka dengan berpegang pada falsafah MIB. Secara keseluruhannya kedua-dua kertas kerja yang dibincangkan dari Negara Brunei Darussalam cuba menggambarkan bahawa kesinambungan kewujudan Negara MIB yang diwarisi sejak Abad Ke-14 telah berperanan mengembangkan dan mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan dalam mengeratkan hubungan silaturahmi dan kerjasama, sama ada dalam negeri ataupun peringkat serantau dan antarabangsa khususnya di era sebelum Perang Dunia Kedua. Sebagaimana titah Baginda Sultan sempena Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (1961 - 2011) pada Sabtu, 19 Syawal 1432H / 17 September 2011M bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.:

"Bahasa Melayu pernah mencatat sejarah keagungannya dari Abad Ke-7 hingga Abad Ke-13 Masihi lagi, apabila ia diangkat sebagai bahasa lingua franca atau bahasa perantaraan, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan di antara penduduk tempatan dengan bangsa asing, dan bahasa perdagangan di seluruh rantau Kepulauan Melayu. Dalam tahun-tahun 1603 - 1708, dua belas (12) buah kamus Melayu telah diterbitkan oleh bangsa asing. Ini menunjukkan betapa giatnya orang-orang Eropah dan bangsa-bangsa lain mempelajari bahasa Melayu ketika itu."

NFABD pilih pemain bola sepak bawah 12, 14 tahun



PERSATUAN Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) semasa mengadakan sesi pemilihan pemain-pemain bola sepak Bawah 12 dan 14 tahun di Daerah Belait.

Siaran Akhbar dan Foto :

Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

KUALA BELAIT, Isnin, 22 Januari. - Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) meneruskan lagi sesi pemilihan pemain bola sepak Bawah 12 dan

Bawah 14 di Daerah Belait dengan menyaksikan seramai 32 pemain mengambil bahagian.

Sesi pemilihan yang berlangsung kelmarin itu diadakan di Padang Arena, Seria dengan

disertai oleh 24 pemain Bawah 12 dan lapan pemain Bawah 14.

Percubaan tersebut adalah yang ketiga diadakan daripada empat siri ujian seluruh negara untuk memilih pemain Bawah-12 dan Bawah-14 kesinambungan dari ujian yang telah diadakan di Daerah Tutong pada 14 Januari dan ujian kedua di Daerah Brunei

Muara pada 19 Januari.

Sementara itu, pemilihan keempat dan terakhir akan berlangsung dari jam 8.00 hingga 9.30 pagi di Kompleks Sukan Batu Apoi, Daerah Temburong pada Ahad, 28 Januari ini.

Sesi pemilihan ini adalah bagi pemain yang lahir antara tahun 2004 hingga 2007, dan mereka

yang berminat untuk mengambil bahagian mesti memakai jersi dan kasut bola serta membawa bersama sijil surat beranak atau salinannya.

Untuk maklumat lanjut, bolehlah menghubungi Haji Rozaimienizam, Jabatan Teknikal NFABD melalui talian +673 8353247.



ANTARA pembentang kertas kerja yang hadir pada Seminar Internasional Leksikologi dan Leksikografi, di Universitas Indonesia, Depok Jakarta pada Mei 2017.

Dari muka 22

Dalam hal ini, penulis telah menjelaskan tentang kepentingan pengamalan nilai-nilai MIB dalam kertas kerja yang telah dibentangkannya dengan menentengahkan mengenai peranan dan pengaruh bahasa Melayu yang merupakan salah satu komponen penting dalam falsafah Negara MIB. MIB juga menjadi salah satu penentuan atau garis pandu penting pada penamaan geografi di Negara Brunei Darussalam. Ini bertujuan untuk

memastikan kelangsungan penggunaan bahasa Melayu dalam semua aspek kehidupan termasuk pendudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Oleh itu, penubuhan Jawatankuasa Nama-Nama Geografi Negara Brunei Darussalam (JKNG) berperanan secara tidak langsung mengukuh dan memantapkan penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Ini adalah kerana tugas dan tanggungjawab jawatankuasa ini adalah menentukan dan mencadangkan supaya nama-nama geografi

di Negara Brunei bersandarkan pada sosiobudaya kemelayuan, keIslaman dan nilai-nilai beraja dengan menggunakan bahasa Melayu sama ada tulisan Jawi ataupun rumi. Bagi Negara Brunei, JKNG memainkan peranan penting bagi mencadang dan menentukan penamaan geografi di keempat-empat daerah Negara Brunei Darussalam dengan berdasarkan pada nilai-nilai Melayu falsafah Negara MIB.

Dengan lain perkataan, sebenarnya setiap dasar dan polisi negara yang bersandarkan nilai-nilai MIB sudah lama

diamalkan ia bukan merupakan sesuatu yang baru. Malahan ia adalah merupakan tanggungjawab dan kewajipan setiap warga Baginda Sultan untuk mengamalkan dan menghayati nilai-nilai tersebut dalam semua bidang kehidupan. Ini memandangkan ianya sudah menjadi Dasar Negara yang berperanan penting dalam mempengaruhi kehidupan bermasyarakat dan bernegara termasuk juga dalam proses penamaan geografi di Negara Brunei Darussalam yang menjadi warisan bangsa Brunei dengan penggunaan bahasa Melayu.

Berdasarkan pada kewujudan nama-nama tempat, daerah, mukim, kampung, sungai, tasik, bukit, simpang, jalan-jalan raya yang terdapat di Negara Brunei Darussalam memang tidak dinafikan ia adalah merupakan gambaran dan semangat identiti serta jati diri bangsa Brunei yang berteraskan pada MIB melalui pemantapan penggunaan bahasa Melayu. Bagi memperlihatkan kenyataan ini kita boleh merujuk dan melihat kerealitiasnya berdasarkan nama-nama geografi yang terdapat di keempat-empat daerah atau lokasi di Negara Brunei Darussalam dengan bercontonkan pada beberapa nama mukim, kampung, jalan, bukit dan sungai yang telah dipengaruhi oleh sosiobudaya dan suasana politik keBruneian melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara yang termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dalam Bab 82 Ceraian 1 'Bahasa rasmi bagi

Negara Brunei Darussalam adalah Bahasa Melayu.' (Pindaan Dokumen-Dokumen Perlembagaan, Negara Brunei Darussalam, 2004 dan 2008).

Kesimpulannya, institusi beraja adalah merupakan nadi bagi pengukuhan dan pengembangan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam yang diwarisi dan diamalkan sejak berkurun-kurun lamanya, dan adalah menjadi kewajipan serta tanggungjawab kita sebagai bangsa Brunei untuk terus memelihara dan mengukuhkan warisan kita bahkan memperkembangkannya ke peringkat serantau dan antarabangsa sebagaimana titah Baginda Sultan sempena Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (1961 - 2011) pada Sabtu, 19 Syawal 1432H / 17 September 2011M bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas :

"Demikianlah, berdasarkan sejarah, tidak diragui lagi, bahasa Melayu adalah 'bahasa besar' bahasa yang cukup syarat serta berpotensi untuk menjadi salah satu bahasa dunia. Mengapakah kita ketandusan usaha dan cita-cita ke arah itu? Pada hemat beta, inilah ketikanya Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) memikir dan melakar gagasan, bagaimana untuk menaik taraf bahasa Melayu menjadi bahasa dunia. Ini bukanlah angan-angan, tetapi keyakinan yang diasaskan kepada fakta dan disokong pula oleh pendapat para sarjana mengeniannya."

Sukan

INFO SUKAN

TAEKWONDO (Tae Kwon Do) merupakan satu sukan yang terkenal dan berasal dari Republik Korea yang mempunyai keunikan yang tersendiri dalam cabang seni mempertahankan diri.



ePaper Pelita Brunei

Kejohanan Gasing : Pasukan Brunei Darussalam 'B' juara



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Abu Bakar Haji Apong (kiri) menerima cenderamata kenangan daripada Yang Dipertua Persekutuan Gasing Kebangsaan Brunei Darussalam, Dato Paduka Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan hadiah juara Perlawanan Peringkat Akhir Gasing Pangkah Regu kepada pasukan Brunei Darussalam 'B'.

Berita dan Foto : Ihsan Media Permata

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 Januari. - Kejohanan Gasing sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta Tahun 2018 yang berlangsung sejak 19 Januari berakhir kelmarin dengan Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan

penyampaian hadiah pada majlis yang berlangsung di Kompleks Gasing, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Dr. Haji Abu Bakar Haji Apong.

Terdahulu, pada perlawanan peringkat akhir Gasing Pangkah Regu, pasukan Brunei Darussalam 'B' muncul juara setelah menumpaskan pasukan Brunei Darussalam 'F', dan sekali gus

menyandang naib juara.

Sementara itu pasukan Brunei Darussalam 'C' pula terpaksa akur di tempat keempat selepas tewas di tangan penyandang tempat ketiga kejohanan iaitu pasukan Brunei Darussalam 'D'.

Dalam Bahagian Perseorangan Berlegai Uri Gasing Pangkah Terbuka pula, Awang Saidi Haji Ismail meraih tempat pertama setelah meninggalkan Mohd Sofian Haji Lamudin di tempat kedua dan Awang Lit Haji Lisa di tempat ketiga manakala Haji Jamadi Haji Baha dan Haji Jawi Sariman masing-masing di tempat keempat dan kelima.

Bagi perlawanan akhir Guwau Gasing Tradisi 25 - 27 Inchi Disiut Terbuka pula, johan dimenangi oleh Awang Yakop bin Haji Asmat diikuti di tempat kedua oleh Awang Alimin bin Haji Talip manakala tempat ketiga disandang oleh Abd Rahman bin Haji Badar dan tempat keempat Awang Yusoff bin Haji Asmat.

Yang Dipertua Persekutuan Gasing Kebangsaan Brunei Darussalam, Dato Paduka Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan sebanyak 12 pasukan telah menyertai kejohanan tersebut

iaitu pasukan Kuala Lumpur, dua pasukan dari Sipitang Sabah, Miri Sarawak, Lawas Sarawak Wilayah Persekutuan Labuan dan enam pasukan dari Negara Brunei Darussalam yang berlangsung selama tiga hari.

"Semoga dengan adanya kejohanan ini akan menambah lagi kemeriahan sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 50 Tahun Menaiki Takhta, di samping mengeratkan lagi tali silaturahim di kalangan peserta-peserta khususnya peserta daripada luar negara," ujarnya.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bergambar ramai bersama peserta yang menyertai Kejohanan Gasing sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta Tahun 2018.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ORANG BERIMAN TIDAK BERCAKAP PERKARA SIA-SIA, TIADA BERFAEDAH

دتریتکن اوله جباتن فرائغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.